

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 120 ● 18 - 24 JUN 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

MAIWP buka permohonan bantuan Zakat Kecemasan COVID-19

SEJAJAR pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang diadakan masa ini, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membuka permohonan bantuan Zakat Kecemasan COVID-19.

Permohonan tersebut boleh mula dibuat pada 15 Jun dan terbuka kepada golongan B40 dan mereka terjejas pendapatan yang berada di

Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, Baitulmal MAIWP memaklumkan, penerima sumbangan kewangan bulanan di bawahnya dan sudah menerima 11 inisiatif yang ditawarkan MAIWP tidak layak memohon bantuan kecemasan itu.

"Permohonan yang berjaya akan menerima bantuan secara one-off sebanyak RM500 manakala penerima semasa PKP 2.0 pula

bakal mendapat sumbangan yang disalurkan secara automatik.

"Penerima PKP 1.0 yang gagal memohon ketika PKP 2.0 perlu membuat permohonan semula secara dalam talian untuk bantuan terkini ini," katanya dalam satu kenyataan pada 13 Jun lalu.

Katanya, permohonan boleh dibuat menerusi ebaitulmal.maiwp.gov.my/ez-zakat sehingga 30 Jun ini.

Dalam pada itu, kenyataan itu memberitahu, kesemua penerima bantuan kewangan bulanan Baitulmal MAIWP akan menerima bantuan zakat khas tambahan sebanyak RM300 secara automatik.

Tambahnya, pembayaran bantuan Zakat Kecemasan MAIWP 3.0 dan zakat khas akan disalurkan secara berperingkat bermula 15 Jun hingga 15 Julai ini. WK

Lima bantuan manfaat warga Labuan

MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Santhara bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun melihat barang makanan dan keperluan yang akan diantar ke Wilayah Persekutuan Labuan di Depo Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada Khamis. - FOTO: NAZIRUL ROSELAN



PENGHANTAR makanan dan pengusaha bas antara kelompok terjejas yang menerima bantuan tambahan khas daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di wilayah itu.

Bantuan khusus yang diedarkan bermula Khamis itu, memanfaatkan kira-kira 18,800 penerima dengan keseluruhan peruntukan hampir RM2 juta.

Difahamkan, selain bantuan tunai secara one-off, sebahagian penerima yang berada di lapan lokaliti PKP Diperketatkan akan menerima bantuan bakul makanan asas.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, bekalan makanan di lapan lokaliti itu melibatkan 13,800 keluarga dan ia diedarkan sekali dalam tempoh seminggu.

"Penghantaran ini adalah dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Barang keperluan seberat 120 tan itu akan dibawa secara berperingkat ke Labuan dan segalanya akan diusahakan bagi memastikan bantuan sampai dalam masa terdekat," ujarnya selepas melihat keperluan asas berkenaan sebelum penerbangan pada Khamis.

BERITA LANJUT DI MUKA 2, 5 DAN 18

Labuan dijangka capai imuniti kelompok seawal Julai

KWP tingkatkan fasa program vaksinasi

DARI MUKA DEPAN

KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan melanjutkan usaha bagi melaksanakan fasa program vaksinasi di Labuan kepada tahap 3,000 dos sehari bagi mencapai imuniti kelompok seawal Julai ini.

Tindakan itu dilaksanakan susulan Wilayah Persekutuan itu telah mencatatkan peningkatan kadar kes jangkitan COVID-19 tertinggi di negara.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pada masa ini hanya 1,000 dos suntikan sehari dan ia akan ditingkatkan kepada 300 peratus dengan kapasiti 3,000 dos suntikan vaksin sehari.

Ujar beliau, pihaknya telah memutuskan dengan persetujuan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk menghantar sejumlah 35,100 dos vaksin

ke Labuan pada minggu ini.

Tambahnya, jumlah itu akan ditambah lagi sekiranya kapasiti pemberian vaksin dapat diwujudkan.

“KWP akan mengusahakan agar keseluruhan Labuan mencapai tahap imuniti berkelompok seawal Julai dan Labuan akan menjadi wilayah yang pertama dalam negara yang mencapai imuniti berkelompok.

“Ini adalah komitmen dan sasaran kerajaan yang telah mendapat restu daripada pucuk pimpinan dan jawatankuasa vaksinasi yang terbabit,” katanya dalam sidang media menerusi siaran langsung Facebook pada Selasa.

Mengulas lanjut mengenai masalah bekalan makanan yang dihadapi di wilayah itu, Annuar berkata pihaknya akan menghantar sebanyak 120 tan bekalan makanan tertentu ke Labuan secepatnya.

Katanya, KWP akan bekerjasama dengan Tentera Udara Diraja



PETUGAS mempersiapkan sebuah dewan di Kolej Matrikulasi Labuan yang turut dijadikan pusat pemberian vaksin bermula Khamis.

Malaysia (TUDM) bagi menghantar bekalan makanan ke Labuan pada Khamis ini.

“Bekalan makanan tersebut

terdiri daripada 70 tan beras, 15 tan minyak masak, 15 tan tepung, 15 tan gula,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut

mengumumkan lima bantuan tambahan akan disalurkan kepada penduduk yang terkesan.

Katanya, sebanyak 3,000 bakul makanan akan disalurkan kepada penduduk Labuan yang akan diuruskan Perbadanan Labuan.

Malah pihaknya juga memberikan bantuan secara one-off bernilai RM500 kepada 128 pengusaha bas mini dan bas sekolah.

“Selain daripada itu juga bantuan kepada 90 pengusaha teksi di Labuan sebanyak RM500 secara one-off dengan peruntukan RM45,000.

“Kita juga akan beri bantuan kepada golongan belia yang berniaga di bawah Program Belia Berniaga dengan kira-kira 100 penerima yang akan menerima bantuan secara one-off sebanyak RM500.

“Kita juga bersetuju untuk memberikan bantuan secara one-off kepada 500 penghantar makanan yang menerima bantuan RM300,” katanya lagi. WK

Perkhidmatan vaksinasi bergerak permudahkan warga PPR

SYAHIDI BAKAR

RATA-RATA penduduk Perumahan Awam (PA) Seri Johor, Kuala Lumpur menyambut baik inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Program Rintis Vaksinasi Bergerak COVID-19 fasa pertama, pada 11 hingga 13 Jun lalu.

Selain memudahkan penduduk khasnya warga emas dan orang kurang upaya (OKU), khidmat disedia hasil inisiatif MYMedic@ Wilayah itu diakui turut mendorong lebih ramai rakyat segera mendaftar untuk vaksinasi.

Bagi Hassaherah Hashim, perkhidmatan disedia di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) itu mudah serta selesa dengan kebanyakan penerima tidak perlu menunggu lama bagi mendapatkan dos pertama suntikan vaksin COVID-19 yang dikendali secara interaktif dan selamat.

Katanya, proses bermula dari pada pendaftaran diikuti saringan nama individu sehingga suntikan dibuat dengan teratur sambil dibantu sukarelawan yang memudahkan lagi setiap sesi berlangsung tanpa sebarang kekangan.

“Perkhidmatan diberikan bagus, saya mendapat suntikan dos pertama dengan lancar malah rasa takut pada awalnya hilang sebaik sahaja melalui proses saringan yang dibuat.

“Inisiatif membawa kemudahan ini ke kawasan perumahan nyata mudahkan kami dan konsep ini terbukti membantu rakyat dapatkan vaksin tanpa sebarang bayaran,” katanya ketika ditemui



SYARIFAH Munirah (kiri) dan Ashrul Ashryzad kedua-dua merupakan ketua unit bagi Sukarelewan PriVo di PPV, PA Seri Johor.

di PPV Program Rintis Vaksinasi Bergerak MYMedic@Wilayah di PA Seri Johor, Bandar Tun Razak pada Sabtu.

Program selama tiga hari mulai 11 hingga 13 Jun itu menyasarkan seramai 1,800 penduduk menerima vaksinasi dengan purata dos suntikan sebanyak 600 orang setiap hari.

Sementara itu, bagi seorang lagi penduduk, Khoo Woon Fook, dia memuji usaha diam-bil KWP dan merasakan ia amat membantu memudahkan dirinya mendapat vaksinasi dengan cepat serta selamat.



HASSAHERAH mengakui sepanjang proses pemberian vaksin yang turut dibantu oleh sukarelawan itu dibuat dengan teratur.



KHOO Woon Fook antara penduduk PA Seri Johor yang menerima vaksin melalui Program Rintis Vaksinasi Bergerak COVID-19.

Menurut juruteknik pendawaian itu, kesibukan tugas setiap hari dan keperluan bekerja di luar kawasan sering membataskan masanya di rumah dan kekangan yang dihadapi selesai sepenuhnya apabila Klinik Kesihatan Bergerak Vaksinasi dibuka di kawasan perumahan.

“Jika suntikan vaksin perluambil dari luar, saya tidak pasti bila saya boleh divaksinasi. Namun bagus KWP prihatin keperluan rakyat dengan sedia kemudahan lengkap di kawasan penempatan,” katanya.

Selain itu, jurucakap

sukarelawan PriVo, Syarifah Munirah Syed Mohssain berkata, usaha peringkat awal mendapatkan sukarelawan agak mencabar namun, pada hari terakhir pendaftaran bilangan sukarelawan yang hadir sangat melegakan.

“Pada awalnya mereka risau dan takut dijangkiti, namun setelah fahami, yakin SOP ditetapkan, ramai yang lega dan segera tampil membantu kelancaran program ini,” katanya yang juga Ketua Puteri UMNO Bandar Tun Razak.

Bagi Ashrul Ashryzad Mohd Nashri pula, peranan sukarelawan

PriVo bagi memastikan kelancaran program sangat penting memandangkan ramai penduduk hadir dalam masa sama perlu pastikan ada penjarakan selain patuh aliran pergerakan.

“Selain itu kami juga sediakan beberapa van milik Yayasan Bakti Bandar Tun Razak untuk tujuan mengambil dan menghantar warga emas serta OKU dari rumah ke PPV. Golongan ini perlu diberi perhatian kerana selain pergerakan mereka agak terbatas, kami juga perlu lindungi dan pastikan mereka tidak berdepan risiko jangkitan,” katanya. WK

Perdana Menteri yakin sasaran Wilayah Persekutuan susulan program vaksinasi bergerak, mega imuniti kelompok capai seawal Ogos

NAZWIN NAZRI

PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin Wilayah Persekutuan akan mencapai imuniti kelompok lebih awal berbanding negeri lain iaitu seawal Ogos ini.

Beliau berkata, jangkaan itu berdasarkan kewujudan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega serta program vaksinasi bergerak yang dilaksanakan pada masa ini.

"Seperti yang dimaklumkan Menterinya (Tan Sri TPr Annuar Musa), saya jangka Wilayah Persekutuan akan mencapai 'herd immunity' lebih awal dari tempat lain kerana banyak PPV Mega dan program lain diadakan. Mungkin pada Ogos atau lebih awal dari itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat klinik vaksinasi bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Johor pada Ahad.

Terdahulu, Muhyiddin diiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa meninjau



MUHYIDDIN bertanya keadaan salah seorang penduduk PPR Seri Johor yang bakal mengambil vaksin pada program berkenaan.

proses pemberian vaksin secara mobil.

Hadir sama Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Sri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah

Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, PPV bergerak akan diperbanyak di seluruh negara termasuk luar bandar, pada masa akan datang bagi memastikan lebih ramai mendapatkan vaksin



ANNUAR (kanan) memberi taklimat berkaitan program pemvaksinan bergerak yang dijalankan di Wilayah Persekutuan dan sasaran imuniti kelompok yang ditetapkan.

COVID-19.

"Apa yang saya lihat di PPR (Projek Perumahan Rakyat) di Bandar Tun Razak ini, PPV secara mobil mendapat sambutan cukup baik. Oleh itu, kita akan tambah PPV seperti ini supaya orang tidak payah

keluar (kawasan), turun rumah sahaja terus dapatkan suntikan.

"Mereka yang belum mendaftar juga akan terus dilakukan di sini (PPV bergerak) dan nama mereka terus masuk sistem Kementerian Kesihatan," jelas beliau. WK

'Tarikh akhir' pendaftaran vaksin dikaji, lebih menyeluruh - PM

KERAJAAN sedang mempertimbangkan kewajaran untuk mewujudkan 'tarikh akhir' pendaftaran program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi membolehkan pemberian vaksin dilakukan secara berfasa dan menyeluruh.

Turut memuji pelaksanaan sistem pemberian vaksin pada masa ini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jika tarikh akhir ditetapkan, kerajaan dapat membantu mendaftarkan baki rakyat sekali gus membolehkan semuanya disenaraikan di dalam sistem.

"Sekarang adalah secara 'open ended' dan ia adalah bagus. Tetapi sekiranya ada tarikh, katakanlah 1 Julai, mereka yang belum daftar, mesti mendaftar dan bakinya kita akan bantu."

"Semua akan ada dalam sistem dan kita boleh merancang fasa demi fasa sehingga semua yang selesai (mereka yang mendaftar)," katanya kepada pemberita selepas melawat klinik vaksinasi bergerak di Projek Perumahan Rakyat Seri Johor pada Ahad.

Mengulas tentang Pelan Pemulihan Negara pula, Muhyiddin memberitahu, dasar itu akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh seminggu akan datang sebagai persiapan untuk Malaysia keluar dari kejelut COVID-19.

Beliau berkata, 'exit plan' itu adalah bersandarkan data serta

sains yang diperoleh dari sudut pengurusan pandemik, ekonomi dan vaksinasi negara.

"Menteri-menteri utama sudah duduk membentangkan perkara itu secara kasar kepada saya, pada dasarnya ia baik tetapi belum lagi diperhalusi. Tujuannya adalah supaya kita dapat maklumkan kepada rakyat setiap fasa sehingga usaha kerajaan dalam melandaikan jangkitan COVID-19 dan pemulihian semula ekonomi dilakukan.

"Menerusi pelan ini, kita tidak boleh melihat kepada satu sudut sahaja sebaliknya kita lihat kepada soal ekonomi kerana kita tidak mahu apabila COVID-19 selesai, ada yang tidak boleh makan, kerja tiada. Ini adalah masalah negara dan keimbangan ini, kita perlu ambil kira," jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberikan komitmen untuk meningkatkan program vaksinasi negara meskipun jangkitan COVID-19 berjaya dilandaikan.

Beliau berkata, ia akan dilakukan menerusi penambahan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar bandar dan kawasan penempatan rakyat.

"Sebelum ini vaksinasi diperlakukan dari 160,000 ke 180,000 ke 200,000 dan kita mahu ia ditingkatkan 300,000 hingga ke 400,000 sehari," tambah beliau. WK

PERMOHONAN BANTUAN ZAKAT KECEMASAN MAIWP 3.0

SYARAT:

- Golongan B40 yang terjejas pendapatan
- Tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
- Pemohon BUKAN merupakan penerima Bantuan Kewangan Bulanan Baitulmal MAIWP
- Pemohon BUKAN penerima Bantuan Kecemasan Covid-19 2.0.

*Bagi penerima bantuan kecemasan 2.0 bantuan akan disalurkan secara AUTOMATIK

TARIKH PERMOHONAN : 15 JUN - 30 JUN 2021

Mohon secara dalam talian : ebaitulmal.maiwp.gov.my/ez-zakat

Untuk pertanyaan boleh berhubung di laman rasmi Facebook MAIWP atau Talian Hotline:

- Kuala Lumpur : 012 518 3614 / 012 512 7614 / 019 200 7623
- Putrajaya : 011 5949 6216 / 011 6303 8443
- Labuan : 013 851 6066

MAIWP TV

Datuk Bandar tinjau masalah bekalan air di PPR Intan Baiduri

HAZIRAH HALIM

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah turun padang bersama Pegawai teknikal DBKL pada Ahad bagi meninjau dan melihat sendiri masalah bekalan air yang berlaku sejak kebelakangan ini di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri.

Semasa tinjauan, Mahadi diberikan taklimat oleh pegawai teknikal mengenai masalah yang berlaku dan tindakan baik pulih yang dilaksanakan oleh pihak DBKL.

Menurut DBKL, pihaknya telah membekalkan enam unit 'static tank' untuk kemudahan bekalan air penduduk dengan melibatkan enam blok dan 1,834 unit rumah.

Sementara itu, Mahadi juga turut bertemu Pengurus Persatuan Penduduk PPR Intan Baiduri, Rashid Samad untuk mendengar dan menerima maklumat mengenai masalah bekalan air di kawasan tersebut.

Bagaimanapun, beliau difahamkan bahawa bekalan air di PPR ini akan pulih secara berperingkat dan dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 24 jam. Punca dan gangguan bekalan air masih dalam siasatan oleh pihak DBKL. **WK**



DATUK Seri Mahadi Che Ngah (Kiri) meninjau masalah bekalan air yang berlaku di PPR Intan Baiduri, pada Ahad.

Kebenaran perniagaan beroperasi berdasarkan arahan MKN - DBKL

DEWN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menafikan mengamalkan dasar pilih kasih dalam membenarkan aktiviti perniagaan di ibu kota sepanjang tempoh seketan pergerakan penuh berkuat kuasa.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan bahawa sebarang kebenaran untuk perniagaan beroperasi terakluk kepada keputusan dan arahan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi ialah pasar borong, pusat penjaja, pasar berbangunan/berbumbung, gerai tepi jalan, bazaria, kios/gerai berkunci, trak makanan, penjaja bereadar, permit sementara, lesen waktu terhad dan lesen se-



PENGUATKUASA DBKL menjalankan operasi bagi mengesan peniaga yang melanggar SOP PKP 3.0 di Pasar Pudu baru-baru ini.

mentara KL Prihatin.

"Pasar pagi terbuka adalah sama seperti pasar

malam/pasar tani yang tidak dibenarkan oleh kerajaan untuk beroperasi," menurut

kenyataan itu, 12 Jun lalu.

DBKL berkata setiap perniagaan yang dibenarkan beroperasi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Sehingga kini pihak DBKL telah membuat pemantauan di lokasi tersebut dan sejumlah 22 notis kompaun telah dikeluarkan terhadap premis yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan," katanya.

Pada 9 Jun lepas, Ahli Parlimen Seputeh **Teresa Kok** mendakwa wujud layanan dua darjah oleh DBKL dalam membenarkan pasar-pasar beroperasi sepanjang tempoh seketan pergerakan penuh selepas menerima aduan penjaja pasar pagi terbuka yang diarahkan untuk menghentikan operasi dalam tempoh tersebut. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Cemerlang bersama Kelas Digital SPM

BERUNTUNG menjadi pelajar di Wilayah Persekutuan (WP). Kebajikan dijaga, bantuan diberi kepada yang memerlukan. Bukan sahaja wang ringgit, tetapi juga menyediakan kelas bimbingan kepada pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

Kejayaan cemerlang pelajar adalah matlamat utama. Secara tidak langsung kecemerlangan mereka akan melonjakkan nama Wilayah Persekutuan dalam arena pendidikan. Namun kejayaan akan hanya dicapai melalui kerja kuat pelajar dan kemudahan pembelajaran yang mereka peroleh.

Berikut pandemik COVID-19 sekarang yang menyebabkan sekolah ditutup, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sekolah dikendalikan secara dalam talian atau *online*. Bagi memantapkan proses P&P ini, memang wajar ada sistem sokongan disediakan untuk pelajar.

Sejak dengan matlamat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melaksanakan inisiatif mengendalikan Kelas Digital SPM YWP, yang juga merupakan pembelajaran secara *online* untuk semua pelajar tingkatan lima.

Inisiatif ini sebagai langkah proaktif membantu 20,000 pelajar di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

Kelas digital ini bermula 1 Jun lalu sehingga tarikh tamat peperiksaan SPM, dijangka awal tahun hadapan. Sebanyak RM200,000 diperuntukkan bagi tujuan ini. Selagi pelajar adalah calon SPM dan belajar di WP, mereka layak menyertai kelas digital ini.

Usaha KWP dan YWP merupakan salah satu daripada tujuh fokus Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 5.0 yang diumumkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, baru-baru ini dan bermula pada 1 Jun 2021.

Langkah ini sewajarnya dipuji kerana ia menyerlahkan komitmen KWP dan YWP untuk memberi persediaan sebaik mungkin kepada para pelajar menghadapi SPM, terutama dalam suasana PKP di mana mereka tidak dapat berinteraksi dengan guru.

Melalui kelas digital SPM, pelajar masih berpeluang berinteraksi dengan pengajar atau tutor melalui *live chat*. Untuk kemudahan pelajar, kelas digital SPM ini telah direkodkan dalam *video in demand* dan pelajar boleh mengakses melalui pelbagai jenis peranti.

Kelas digital ini akan merangkumi 10 subjek teras iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan.

Terbukti KWP dan YWP tidak pernah alpa untuk membantu dan membimbing pelajar mereka bagi memastikan mereka mendapat sokongan pendidikan secukupnya agar mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.

Malah bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran digital ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan membekalkan pemasangan Wi-Fi percuma di beberapa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sebagai membantu golongan kurang berkemampuan.

Tentulah ini melegakan ibu bapa yang mengharapkan pendidikan terbaik untuk anak-anak mereka tetapi menghadapikekangan dalam perbelanjaan. Pasti mereka gembira kerana anak-anak mereka kini dibimbing untuk berjaya.

Justeru para pelajar hendaklah menggunakan sebaiknya peluang yang diberi oleh KWP dan YWP ini. Berusahalah ke arah mencapai kecemerlangan demi masa depan sendiri, keluarga dan negara. Ingatlah rajin dan usaha tangga kejayaan.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
nazwinizan@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkvt@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm886@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani

WILAYAH CAKNA 6.0

WILAYAH
PRIHATIN

BANTUAN ONE-OFF RM300 KEPADA PENGHANTAR MAKANAN (RIDER) DI WP LABUAN

berjumlah
RM150,000.00



memanfaatkan seramai
500 PENERIMA



#PLprihatin #PatuhSOP #StopCOVID19 #KitaJagaLabuan #Labuan100%

@ Perbadanan Labuan

#WilayahCakna6.0

[Layari www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

BANTUAN ONE-OFF RM500 KEPADA PENGUSAHA BAS MINI DAN BAS SEKOLAH DI WP LABUAN

berjumlah
RM64,000.00



memanfaatkan seramai
128 PENERIMA



#PLprihatin #PatuhSOP #StopCOVID19 #KitaJagaLabuan #Labuan100%

@ Perbadanan Labuan

#WilayahCakna6.0

[Layari www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

BANTUAN ONE-OFF RM500 KEPADA PENIAGA BELIA DI WP LABUAN

berjumlah
RM50,000.00



memanfaatkan seramai
100 PENERIMA



#PLprihatin #PatuhSOP #StopCOVID19 #KitaJagaLabuan #Labuan100%

@ Perbadanan Labuan

#WilayahCakna6.0

[Layari www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)WILAYAH
PRIHATIN

BANTUAN BAKUL MAKANAN ASAS KEPADA WARGA WP LABUAN (8 LOKALITI HOTSPOT)

berjumlah
RM1.65 JUTA



memanfaatkan seramai
18,000 PENERIMA



#PLprihatin #PatuhSOP #StopCOVID19 #KitaJagaLabuan #Labuan100%

@ Perbadanan Labuan

#WilayahCakna6.0

[Layari www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

BANTUAN ONE-OFF RM500 KEPADA PENGUSAHA TEKSI DI WP LABUAN

berjumlah
RM45,000.00



memanfaatkan seramai
90 PENERIMA



#PLprihatin #PatuhSOP #StopCOVID19 #KitaJagaLabuan #Labuan100%

@ Perbadanan Labuan

#WilayahCakna6.0

[Layari www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

DAPATAN satu kajian di Kuala Lumpur menunjukkan lebih 25,000 penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) gagal menjelaskan tunggakan sewa RM124 sebulan untuk tempoh antara setahun hingga 10 tahun, menjadikan jumlah keseluruhannya melebihi RM55 juta. (Harian Metro 7 Februari 2021).

Reaksi spontan kebanyakan orang terhadap perkara ini tidak sukar dijangka. Culas, tidak tahu berterima kasih, tidak pandai menghargai, diberi betis hendakkan paha dan seumpamanya akan menjadi perkataan serta ayat yang popular untuk melabelkan mereka yang berkenaan. Malah mungkin muncul ayat-ayat yang lebih keras seperti, "Usir mereka, beri peluang kepada orang lain pula."

Saya tidaklah tidak bersetuju sepuhnya dengan reaksi seperti itu. Kebenarannya memang ada. Liat dan culas membayar apa yang sepatutnya dibayar tidak hanya terbatas kepada penghuni-penghuni PPR.

Ia tabiat yang bersifat universal, tidak terkecuali di kalangan orang kita – orang Melayu dan orang Malaysia.

Biar di mana pun mereka berada, sikap golongan ini sama sahaja. Mereka ghairah semasa hendak mendapatkan sesuatu tetapi tidak menghargainya setelah hajat itu dipenuhi.

Mereka mengelak daripada bertanggungjawab dengan berperisaikan alasan demi alasan. Kebaikan pihak lain akan dilihat sebagai kelemahan yang boleh dimanipulasi. Pada mereka tidak ada istilah silu dan malu.

Tetapi tidak semua begitu. Di kalangan lebih 25,000 itu masih ramai yang mempunyai rasa tanggungjawab.

Masih mempunyai rasa malu kerana hendak membayar RM124 sebulan pun tidak mampu. Namun disebabkan benar-benar tidak mampu, apa pilihan yang mereka ada?

Saya banyak menemui kes-kes seperti ini. Ketua-ketua isi rumah (KIR) yang bekerja keras siang dan malam untuk memberikan yang terbaik kepada keluarganya, tetapi pada akhirnya tidak mempunyai RM124 sebulan untuk melunaskan sewa tempat anak isteri berlindung.

Faktor penyebabnya sangat pelbagai. Pekerjaan tidak formal, upah kerja tidak menentu, peluang

“Dengan pendapatan isi rumah yang lebih kecil daripada ‘gaji untuk hidup’ seorang bujang dewasa, tidak sukar untuk membayangkan bagaimana sebuah keluarga itu bergelut untuk kelangsungan hidup.”

yang terhad, ketiadaan kemahiran, kurangnya sokongan dan banyak lagi.

Namun sebab teratas antara semua sebab-sebab itu adalah kos sara hidup yang tidak pernah berganjak turun walaupun sedikit.

Pada 2018, Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran berkata, pendapatan bulanan di Kuala Lumpur sebanyak RM2,700 (bujang dewasa) dan RM6,500 (pasangan dengan dua anak) adalah jumlah minimum atau ‘gaji untuk hidup’ yang diperlukan bagi standard kehidupan yang boleh diterima.

Laporan itu menyebut ‘gaji untuk hidup’ adalah pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk turut serta dalam masyarakat, peluang pembangunan peribadi dan keluarga, selain bebas daripada tekanan kewangan yang teruk.

Pada laporan itu BNM turut mencadangkan kriteria ‘gaji untuk hidup’ dijadikan panduan kepada pembuat dasar serta majikan mengenai paras minimum standard kehidupan yang boleh diterima.

“Gaji untuk hidup adalah lebih tinggi daripada gaji minimum berkanun kerana ia secara dasarnya berdasarkan kos kehidupan,” katanya.

BNM berkata, kira-kira 27 peratus isi rumah di Kuala Lumpur hidup di bawah paras ‘gaji untuk hidup’ dan kebanyakannya terdiri daripada lepasan sekolah menengah dengan pekerjaan berkemahiran rendah ke sederhana.

Masyarakat moden mengiktiraf bahawa standard kehidupan minimum adalah lebih daripada sekadar mampu membeli barang keperluan, malah termasuk juga penyertaan sosial dan jaminan kewangan.

“Standard kehidupan minimum adalah, purata isi rumah di Kuala Lumpur sepatutnya mampu melawat keluarga dan rakan pada musim perayaan, selain membeli hadiah hari jadi untuk ahli keluarga,” katanya.

Hasil tinjauan menerusi kumpulan data Numbeo yang



‘GAJI untuk hidup’ adalah pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk turut serta dalam masyarakat.

dijalankan oleh iPrice, portal pengagregat yang beroperasi di tujuh negara di rantau ini termasuk Malaysia, baru-baru ini menunjukkan penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memerlukan sekitar RM3,262 sebulan untuk menyara kos kehidupan mereka.

Sama ada RM2,700 untuk menampung keperluan bujang dewasa yang disebut oleh BNM atau RM3,262 yang disebut dalam tinjauan iPrice, kedua-duanya adalah di luar jangkauan ‘mampu milik’ kebanyakan penghuni PPR, termasuklah mereka yang tidak mampu melunaskan sewa itu.

Pada masa ini dianggarkan lebih 30,000 keluarga daripada 1.8 juta penduduk di Kuala Lumpur berada di bawah PGK (Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional), yakni berpendapatan di bawah RM2,208.

Jika laporan BNM menyebut ‘gaji untuk hidup’ bagi pasangan dengan dua orang anak adalah RM6,500, bermakna 30,000 keluarga ini memerlukan RM4,300 lagi sebulan untuk membolehkan mereka ‘hidup’.

Itu pun jika mereka mempunyai dua orang anak, bagaimana jika jumlah anaknya tiga, empat atau lima orang?

Dengan pendapatan isi rumah yang lebih kecil daripada ‘gaji untuk hidup’ seorang bujang dewasa, tidak sukar untuk membayangkan bagaimana sebuah keluarga itu bergelut untuk kelangsungan hidup.

Sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan KIR akan berdepan dengan keadaan yang memaksa dia membuat pilihan, sama ada memastikan dapur berasap atau melunaskan hutang dan tunggakan.

Sesiapa pun dalam keadaan itu selalunya akan mendahulukan

khususnya antara bandar dan luar bandar.

Saya pernah menulis di ruangan ini dahulu bahawa RM2,208 di Kuala Lumpur tidak sama nilainya dengan RM2,208 di mana-mana juga kawasan luar bandar di negara ini. Di bandar raya ini, nilainya menjadi lebih kecil disebabkan kos sara hidupnya yang tinggi.

Seorang KIR di Sungai Besar yang memperoleh RM2,208 sebulan mungkin masih boleh menabung RM50 – RM60 sebulan sedangkan seorang KIR di Kuala Lumpur dengan jumlah pendapatan yang sama barangkali perlu meminjam RM100 – RM200 untuk menampung keperluan keluarganya.

Dengan memahami perbezaan ini maka apa juga langkah untuk membantu dapat diperkemas. Kadar bantuan misalnya, tidak harus sama kerana keperluan antara dua kumpulan sasar ini juga tidak sama.

Tanpa maksud mengabaikan yang di luar bandar, sokongan kepada yang di bandar seharusnya dilipat ganda bukan ‘dipukul sama rata’.

Benih yang sama, dengan jenis dan kuantiti baja yang sama tidak akan menghasilkan kesuburan yang sama jika ditanam di tanah yang berbeza.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan

SAJAK

SEBUAH PERTARUNGAN DI TAMAN SEKAWAN

Bumi berkongsi cerita kawan tentang cinta ciptaan Tuhan kita masih tutup mata senyuman tanpa sentuhan sesama insan

Kota mega menjadi perjudian kuasa kota bangsa menjadi tebuan berbisa kota cahaya menjadi pelindung manusia setahun dijajah tidak hilang dipecak masa

Halimunan suntik kematian bernyawa ketakutan mengalahkan iman dan takwa lekukan tetap menjadi rujukan dunia ikhtiar melandai sebuah senjata rahsia

Sebuah pertarungan di taman sekawan bila saatnya akan ada diperhentian kembalikan mimpi kenangan berzaman hampir hilang di peradaban insan

GABRIEL KIMJUAN
Taman Mutiara, Labuan, Malaysia.
24 April 2021

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Kembalikan Eye of Malaysia !

KE MANA destinasi beriadah atau berhibur pada hujung minggu, atau hari cuti, bersama keluarga? Tanya soalan ini kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Adi percaya ramai akan menjawab tumpuan mereka ialah ke Taman Tasik Titiwangsa (TTT).

Keindahan Taman Tasik Titiwangsa (TTT) serta tarikan pengunjung yang ada di taman tasik tersebut menjadikannya tempat beriadah dan rekreasi yang popular di kalangan warga Wilayah Persekutuan (WP) berbanding taman rekreasi lain.

Walaupun ada taman lain yang menyediakan kemudahan rekreasi seperti Taman Metropolitan Kepong, Taman Tasik Titiwangsa lebih menjadi tumpuan kerana kombinasi kemudahan yang disediakan.

Selain sebagai tempat rekreasi, taman tersebut juga menyediakan pelbagai tarikan lain untuk orang ramai berhibur bersama keluarga.

Misalnya taman permainan yang dilengkapi dengan kawasan permainan air (*water park*), yang pastinya disukai oleh kanak-kanak.

Kerana itu Taman Tasik Titiwangsa bukan sahaja popular di kalangan warga WPKL, malah orang luar juga.

Jika ada pengunjung luar datang ke ibu negara, Adi tahu ramai yang mengambil peluang berkunjung ke taman tasik tersebut untuk bersantai sambil menikmati pemandangan indah.

Daripada awal kewujudannya, Taman Tasik Titiwangsa menjadi pilihan ramai. Taman ini dirasmikan oleh Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn pada 1 Februari 1980 sempena ulang tahun ketujuh penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berkeluasan 46.13 hektar dan terletak tiga kilometer dari pusat bandar, tasik semula jadi bekas lombong itu telah melalui pelbagai transformasi dan penambahbaikan, sejajar dengan perkembangan semasa serta pembangunan WPKL.

Kini ia merupakan taman tasik yang luas, indah mata memandang.

Penambahbaikan terakhir yang dilakukan pada akhir 2018 sehingga penghujung 2019 menyaksikan Taman Tasik Titiwangsa ditutup kepada ramai.

Dengan penambahbaikan tersebut, kemudahan untuk pengunjung dinaik taraf dan ditambah.

Persekutaran diperelok dan diperindah. Trek jogging menjadi lebih cantik dan kawasan sekeliling dihiasi dengan susun atur seni taman



EYE of Malaysia pernah menjadi tumpuan di Taman Tasik Titiwangsa antara tahun 2007-2008. Sambutan orang ramai menyebabkan pengunjung mengadakan pelbagai acara menarik seperti teater air, pancaran laser, pertunjukan bunga api dan pertunjukan air.

yang lebih kemas dan segar.

Tempat permainan kanak-kanak sebelum ini dinaik taraf untuk merangkumi kawasan rekreasi air (*water park*), menyediakan kemudahan permainan air dan mandi-manda. Tidak perlu ke taman tema air yang mahal untuk bermain air.

Dengan kemudahan kawasan permainan, jambatan gantung, jejantas laluan pejalan kaki, jeti, trek jogging, berbasikal serta rekreasi air, sememangnya tidak hairan Taman Tasik Titiwangsa menjadi tumpuan ramai untuk berehat dan beriadah bersama keluarga.

Walaupun sudah banyak kemudahan disediakan di Taman Tasik Titiwangsa, Adi berpendapat wajar sekali pihak berkuasa menimbang untuk menambah tarikan pengunjung yang ada.

Tarikan ini mestilah lebih istimewa dan ikonik berbanding tarikan lain yang ada sekarang.

Sebagai contoh, beberapa tahun lalu terdapat tarikan buaian berpusing di taman tasik tersebut, dikenali sebagai *Eye of Malaysia*, mirip *London Eye*.

Buaian gergasi pada ketinggian 60 meter itu dilancarkan oleh Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

Buaian yang mempunyai 42 gondola berhawa dingin itu mampu memuatkan 386 penumpang pada satu-satu masa dan mampu menampung berat keseluruhan kira-kira 400 tan.

Kehadiran *Eye of Malaysia* segera menjadi tumpuan ramai. Malah mereka yang dari luar Kuala Lumpur ramai datang

MAKLUMAN AWAM

16 JUN 2021

PKPD
Perumahan Awam Desa Rejang,
WP Kuala Lumpur

BERKUATKUASA

18 JUN - 1 JULAI 2021

Sumber : Kementerian Pertahanan Malaysia

[Malaysian Update](#) [Msia Update](#) [Malaysian Update](#)

“Oleh itu pada pendapat Adi, langkah baiknya jika Dewan Bandraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak swasta, dengan kebenaran DBKL, membawa kembali buaian berpusing, selain ditambah dengan pelbagai tarikan lain yang mampu menarik dan menceriakan pengunjung.

untuk merasa menaiki buaian tersebut.

Sambutan hangat terserlah daripada ramainya yang berbaris menuggu giliran untuk naik, tambahan pada hari cuti atau hujung minggu.

Pada pusingan tertinggi dengan kedudukan di puncak, orang ramai dapat menikmati pemandangan Taman Tasik Titiwangsa dan sekitarnya dengan jelas.

Setelah beberapa waktu, buaian pusing dihentikan, mengejutkan orang ramai yang berandaian ia adalah tarikan kekal di taman tasik tersebut.

Bagi mereka, sepatutnya usaha mesti dilakukan untuk menambah tarikan yang ada, bukan ‘mematikan’ tarikan sedia ada dan disukai ramai.

Dengan berakhirnya buaian pusing, bererti hilang satu penyeri utama di Taman Tasik Titiwangsa.

Tidak dapat dipastikan kenapa buaian ini dihentikan, tetapi dikatakan ia ada kena mengena dengan aspek perundangan.

Oleh itu pada pendapat Adi, langkah baiknya jika Dewan Bandraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak swasta, dengan kebenaran DBKL, membawa kembali buaian berpusing, selain ditambah dengan pelbagai tarikan lain yang mampu menarik dan menceriakan pengunjung.

Malah mungkin sesuai difikirkan untuk mewujudkan satu kawasan seperti *fun fair* atau taman hiburan (*amusement park*) di dalam kawasan taman tasik dengan menyediakan pelbagai permainan hiburan seperti yang biasa terdapat dalam *fun fair* atau taman hiburan.

Waktu operasi boleh disesuaikan dengan waktu taman dibuka dan ditutup.

Pada musim cuti sekolah, hari cuti atau hujung minggu waktu operasi mungkin boleh dilanjutkan.

Jika ini dapat dilakukan, Taman Tasik Titiwangsa akan lebih ‘hidup’ menjadi lokasi pilihan utama orang ramai membawa keluarga bergembira.

Ini kerana berbelanja di *fun fair* awam seperti ini tentu kosnya lebih murah berbanding

membawa anak-anak bersantai ke tempat-tempat rekreasi mahal seperti resort atau tanah tinggi.

Juga tidak perlu membelanjakan wang untuk menginap di hotel. Boleh balik hari sahaja.

Selain itu Adi juga ingin mencadangkan pihak DBKL memikirkan keperluan mewujudkan satu atau dua restoran harga sederhana untuk pengunjung Taman Tasik Titiwangsa menjamu selera.

Sebelum ini ada tetapi sudah ditutup. Restoran ini sebagai tambahan kepada kios makanan dan minuman sedia ada.

Sesungguhnya Taman Tasik Titiwangsa adalah kebanggaan WPKL khasnya dan negara amnya.

Sesiapa juga yang berkunjung ke situ mestilah sentiasa menjaga keindahan dan kebersihannya.

Cuma kini ketika tempuh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 Jun, taman tasik ini ditutup.

Berkunjunglah ke Taman Tasik Titiwangsa. Gunakan segala kemudahan disediakan dengan penuh berdisiplin dan berhati-hati seolah-olah harta benda di dalam taman tersebut adalah milik sendiri. Jangan dirosak atau dimusnahkan.

Taman Tasik Titiwangsa bukan sahaja indah tetapi kemudahan yang disediakan untuk pengunjung adalah bertaraf kelas pertama. Pengunjung janganlah pula bermentaliti kelas ketiga.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

HUJAN DI KOTA KAMI

Musim hujan yang kembali membawa bersama angin takdir perjalanan menjadi waspadai perlahan dengan kesabaran berhati dengan limpahan.

Hujan basah yang dingin memutilkan laman kota kami membasuh debu ratat dan pohon-pohon kembali ceria disiramai hayatnya.

Hujan siang ini meminta jawapan untuk menafsir sebuah pemberian rahmat dari langit Tuhan atau ujian menduga pemikiran.

Hujan menambahkan kelam malam tetesnya adalah doa agar esok lusa kembali indah kota kami pun, menyerlah.

Solihin Osman

Lepasan SPM dialu-alukan memohon peruntukan khas YWP

RM1juta Skim Bantuan Awal IPT

AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) memperuntukan sebanyak RM1 juta bagi Skim Bantuan Awal IPT dalam membantu pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

Bantuan kewangan secara *one-off* tersebut tidak lain bukan adalah bagi meringankan beban mereka dalam melakukan persiapan ke universiti.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, pelajar yang ingin menyambung pelajaran dan datang dari latar belakang keluarga yang betul-betul memerlukan bolehlah menghubungi YWP.

"Para pelajar yang layak dialu-alukan merujuk laman sesawang YWP iaitu www.yayasanwp.org.my untuk proses permohonan atau maklumat lanjut berkaitan skim ini.



"Antara syarat utama adalah pemohon mestilah lahir di Wilayah Persekutuan, ibu, bapa atau penjaga merupakan pengundi Wilayah Persekutuan dan menetap di sini serta mempunyai pendapatan perkapita RM1, 000 dan ke bawah," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, Skim Bantuan Awal IPT memberi bantuan kepada semua kategori antaranya Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Muda Kedoktoran dalam dan juga luar negara.

"Bagi pengajian peringkat Diploma, kita memperuntukkan RM500, Ijazah Sarjana RM1,000, Ijazah Kedoktoran RM2,000 manakala untuk pengajian di luar negara pula, Ijazah Sarjana RM3,000, Ijazah Kedoktoran RM4,000 sementara Sarjana Muda Kedoktoran pula RM5,000," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyatakan agar pelajar yang datang daripada keluarga B40



ZAIZALNIZAM (tengah) bersama sebahagian pelajar yang menerima Skim Bantuan Awal IPT sebelum ini.

menggunakan peluang ini dengan sebaiknya untuk memohon bantuan yang diberikan.

"Saya harap sumbangan ini dapat membantu pelajar meringankan beban mereka walaupun kita kota kemasukan ke universiti itu belum secara fizikal tetapi dengan

bantuan ini secara tidak langsung boleh membayar yuran dan juga membeli persediaan untuk ke IPT dan IPTS," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Terdahulu, YWP menyediakan peruntukan sebanyak RM9.3 juta bagi tujuan pelbagai skim dan

program pembangunan pendidikan pada tahun 2021.

Antara program tersebut adalah Skim Bantuan Awal, Skim Biasiswa Pengajian Tinggi, Skim Biasiswa Sekolah Menengah, Program Bantuan Pemakanan, Riang Ria ke sekolah dan sebagainya. **WK**

2,400 kakitangan Kumpulan WCT divaksin dalam tempoh dua hari

NAZWIN NAZRI

SEJAJAR sasaran Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** yang mahukan 80 peratus warga kota divaksin menjelang Oktober ini, WCT Holdings Berhad (Kumpulan WCT) menerusi Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah menjadualkan pemvaksinan kepada 2,400 kakitangannya.

Kesemua mereka diberi suntikan vaksin pertama dos Sinovac dalam tempoh dua hari bermula 12 Jun lalu di Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pengarah Urusan Kumpulannya, **Datuk Lee Tuck Fook** berkata, dengan pemvaksinan itu, risiko jangkitan COVID-19 dalam kalangan kakitangannya sedikit rendah sekaligus mengelakkan penularan wabak di kawasan pembinaan.

"Kami mulakan (pemvaksinan) dengan pekerja di kawasan tapak pembinaan Kuala Lumpur bagi membolehkan projek diteruskan dalam keadaan persekitaran pekerjaan yang selamat.

"Pada masa sama, kakitangan terlibat dapat bekerja dalam keadaan tenang kerana telah divaksin dan seterusnya melakukan tugas berlandaskan peraturan yang ditetapkan menerusi prosedur operasi standard (SOP) kerajaan," katanya dalam satu



PROSES pemberian vaksin kepada kakitangan Kumpulan WCT berjalan lancar dan mengikut SOP yang ditetapkan.

kenyataan baru-baru ini.

Menurut Tuck Fook, pihaknya berhasrat memperluaskan program vaksinasi berkenaan ke atas seluruh pekerjaan dan akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi tujuan itu.

Ini kerana katanya, Kumpulan WCT sentiasa prihatin dengan jumlah jangkitan harian COVID-19 yang dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Justeru, ujar beliau, pihaknya akan turut membantu mempercepatkan pemberian vaksin kepada masyarakat menerusi kakitangan Kumpulan WCT dan skim itu akan diteruskan bagi memastikan keselamatan khususnya di tempat kerja.

"Dengan adanya vaksin, aktiviti ekonomi dapat berlangsung seperti sebelumnya termasuk projek pembinaan. Saya percaya produktiviti, kestabilan kewangan dan pemulihan ekonomi dapat berlaku," jelasnya. **WK**

Hari Puisi Malaysia pada 13 Jun angkat martabat pemuisi

MENTERI Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), **Datuk Seri Nancy Shukri** mahu acara kesusastraan khususnya puisi dijadikan sebagai satu acara tarikan pelancongan seperti yang banyak dilakukan di luar negara.

Jelas beliau, acara seumpama itu juga dapat dimanfaatkan masyarakat biasa yang juga secara tidak langsung akan menggerakkan aktiviti pelancongan domestik.

Katanya, sudah sampai masanya komuniti sastera, khasnya pemuisi di negara ini mempunyai satu hari yang dapat disambut sebagai Hari Puisi bagi mengangkat martabat khalayak pemuisi.


"Kami di MOTAC menyokong perkembangan kecemerlangan martabat puisi ini.

"Sehubungan itu, saya berharap saudara-saudari akan terus menjadi suara rakyat, memperjuang dan menulis isu rakyat tanpa mengira asal keturunan demi mengekalkan identiti budaya kebangsaan negara," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran dan perisytiharan 13 Jun sebagai Hari Puisi Malaysia (HPM).

Ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Dr Noor Zari Hamat.

Nancy berkata, bertitik-tolak daripada perkembangan bidang puisi di seluruh dunia sekarang, perisytiharan HPM sudah pasti akan mengangkat martabat komuniti sastera, khasnya pemuisi di negara ini.

"Umum mengetahui bahawa masyarakat di seluruh dunia termasuk



LOGO HPM diperkenalkan secara rasmi bagi sambutannya tahun ini.

Malaysia menyambut Hari Puisi Sedunia pada 21 Mac setiap tahun selepas diisytiharkan pada Persidangan UNESCO ke-30 di Paris pada 1999. Namun sehingga kini, masih belum ditetapkan satu hari khusus sebagai Hari Puisi peringkat nasional di Malaysia.

"Di Indonesia telah wujud Hari Puisi Nasional yang disambut pada setiap 28 April. Begitu juga di beberapa buah negara lain di dunia. Perisytiharan HPM amat kena pada masanya," katanya.

Majlis anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka serta Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI) itu disiaran secara langsung melalui pelantar media sosial Facebook, Instagram dan Twitter DBP serta laman Facebook PEMUISI BERKARYA.

Ia turut diserikan dengan bacaan puisi oleh empat Sasterawan Negara iaitu Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh, Datuk Dr Anwar Ridhwan, Datuk Dr Zurinah Hassan dan Datuk Dr Siti Zainon Ismail. **WK**

MBBY kutip derma untuk kanak-kanak Gaza



AINI MAWAWI

PERANG di bumi Palestin telah berlarutan lebih 50 tahun tanpa kesudahan dan dunia tidak terkecuali terkesan apabila melihat mangsa-mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa kezaliman Israel.

Paling menyedihkan kanak-kanak dalam kancang perang sering kali mengalami trauma yang dahsyat serta terkesan teruk dari segi psikologi lebih-lebih lagi apabila melihat kematian ahli keluarga serta rakan.

Atas rasa simpati tersebut, Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Antarabangsa (IBBY) iaitu badan induk yang berpusat di Basel, Switzerland dan di mana Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) merupakan ahli yang mewakili Malaysia, telah lama aktif membantu kanak-kanak dan remaja di Gaza dengan pembinaan dua buah perpustakaan yang lengkap serta turut melatih guru sejak 2008.

Namun serangan tentera Israel baru-baru ini telah memusnahkan perpustakaan tersebut seperti yang pernah terjadi sebelum ini. Kemusnahaan itu dalam masa yang sama turut meranapkan usaha guru-guru di sana untuk memberi terapi dan bantuan



dalam membantu membina semula semangat, kekuatan mental serta rohani kanak-kanak untuk terus hidup dan berjaya.

Tidak mahu mereka terus berputus asa, MBBY menerusi Presidennya, **Datuk Ahmad Redza Ahmad Khairuddin** memulakan usaha mengumpul dana dengan melancarkan tabung MBBY-Palestine untuk didermakan ke IBBY Palestine bermula 1 Jun lalu.

"Dana ini akan dikumpulkan melalui ibu pejabat IBBY di Basel sebelum diserahkan ke IBBY Palestine. Penerbit Mahir Sdn. Bhd yang telah menerbitkan buku Gemilangnya Putrajaya, iaitu sebuah buku bergambar kanak-kanak dengan kisah-kisah

menarik pengembalaan di sekitar Putrajaya telah bersetuju untuk menyumbangkan 100 naskah buku tersebut untuk dijual kepada orang ramai.

"Kesemua hasil jualan itu akan disumbangkan untuk tabung MBBY Palestine Children In Crisis. Sejak kempen tersebut berjalan, sehingga hari ini hampir 65 naskah telah berjaya dijual," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, biblioterapi yang dijalankan di sana amat berjaya. Maka setiap kali perpustakaan dibom atau dirosakkan, IBBY akan berusaha untuk memperbaikinya supaya tempat tersebut boleh digunakan sebagai tempat hiburan dan belajar.

Kata beliau, buku Gemilangnya

Putrajaya yang dijual kepada orang ramai tersebut adalah atas jalinan kerjasama erat antara MBBY dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

"Buku ini telah dihasilkan dengan kerjasama penulis dan ilustrator cerita kanak-kanak yang terkenal di Malaysia dengan ilustrasi yang berkualiti tinggi.


"Apabila usaha mengumpul dana ini diumumkan pada 1 Jun 2021, kedua pihak MBBY dan PPj telah memberi tumpuan khusus dengan menghebahkan usaha ini serta menyeru masyarakat dan sahabat untuk membeli buku sambil menderma," ujar beliau.

Kata Ahmad Redza lagi, usaha mengumpul dana jika tiada bahan menarik seperti buku Gemilangnya Putrajaya ini mungkin memerlukan usaha yang berganda untuk mendapatkan derma.

"Dengan adanya bahan cerita seperti buku ini dan hebahan yang luas, kami gembira kerana sambutan yang baik telah diterima," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Hanya serendah RM59.90, 100% hasil jualan akan disalurkan kepada tabung IBBY Palestine bagi membina semula dua buah perpustakaan kanak-kanak di Gaza.

Bayaran boleh dibuat atas nama Penerbit Mahir Sdn. Bhd, nombor akaun CIMB BANK 800 227 444 2 (Rujukan: MBBY Palestine Fund) dan sila WhatsApp resit pembayaran kepada Faisal : 012 383 4234 atau Alimah : 019 6296958 beserta alamat dan



Info menarik buku: Gemilang Putrajaya

- Julung kalinya PPj bersetuju mengadakan sebuah buku cerita bergambar secara khususnya untuk kanak-kanak dengan latar belakang cerita tentang Putrajaya.
- Cerita-cerita dihasilkan oleh penulis dan ilustrator tempatan yang terkenal dengan cerita kanak-kanak.
- Jalan cerita yang penuh misteri, cerita dan mencemaskan sangat menarik untuk kanak-kanak dan seisi keluarga.
- Penceritaan berlatarbelakangkan tempat-tempat menarik di sekitar Putrajaya sekali gus membaca mendapat bayangan keindahan Putrajaya.
- Dihasilkan dengan reka letak dan reka bentuk premium dan sesuai dijadikan cenderamata atau hadiah untuk pelancong dalam dan luar negara.
- Buku ini mencatat sejarahnya tersendiri kerana diterbitkan sempena sambutan Jubli Perak 25 tahun penubuhan Putrajaya.

nomor telefon untuk urusan pengeposan (pos percuma). Untuk maklumat lanjut layari <https://www.ibby.org/awards-activities/activities/ibby-children-in-crisis-fund>. **WK**

Jadikan bercerita aktiviti kekeluargaan



anak sebelum mereka tidur sedangkan ini juga boleh merapatkan hubungan antara keduanya. Berbeza dengan negara barat, mereka masih membacakan buku cerita kepada anak-anak sebelum tidur," ujar beliau.

Tidak mahu aktiviti membaca buku dan bercerita berlalu begitu sahaja seiring masa, MBBY bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk merealisasikan

matlamat utama mereka memperkenalkan dan mempromosi sastera kanak-kanak dan remaja.

"Kerjasama MBBY dengan PPj bermula sejak 2014 lagi dan hasil dari kerjasama ini kita telah berjaya mengadakan IBBY Asia Oceania Regional Conference pada tahun 2015 selain mempromosi sastera kanak-kanak dan remaja dalam kalangan penduduk serta warga Putrajaya khususnya dan

kawasan sekitar.

"Di samping itu kita ingin meningkatkan tabiat dan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan penduduk di Putrajaya serta mencungkil bakat mereka dalam bidang penulisan, ilustrasi dan juga bercerita," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dengan kecanggihan teknologi masa kini, MBBY tidak terkecuali menggunakan YouTube, webinar sebagai medan untuk golongan ini mengikuti sesi bercerita secara percuma.

"Kerjasama dengan PPj adalah suatu bonus yang mana kami mencari tenaga pakar disamping mereka menyediakan lokasi serta audien bagi merealisasikan program yang dirancang. Sebagai contoh, terbaru, festival bercerita dalam talian yang dirancang mendapat sambutan sangat menggalakkan.

"Dalam masa sama, besar harapan menjadikan sastera kanak-kanak dan remaja ini sebagai tarikan utama dalam segmen kebudayaan di Putrajaya dengan aktiviti yang membawa kepada peningkatan ilmu dan menghasilkan karya sekali gus menjadi tempat tumpuan dan simpanan hasil kerja sastera kanak-kanak dan remaja seluruh dunia," ujar beliau. **WK**

Penukaran kepada hak milik strata, selesaikan hak milik lama bangunan

MUKADIMAH

HAK milik pecahan (subsidiari) adalah suratan hak milik geran lama yang melambangkan pemilikan individu dikeluarkan kepada mana-mana petak dalam sebuah bangunan bertingkat yang telah dipecahbagi berdasarkan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 [Akta 56]. Geran lama ini dikeluarkan sebelum Akta Hak milik Strata (AHS) 1985 [Akta 318] mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1985.

PENGENALAN

Hak milik subsidiari didaftarkan bawah Seksyen 151-157, 161-163 dan 355-374 KTN, di mana seksyen berkenaan telah dimansuh daripada peruntukan KTN apabila Akta 318 berkuat kuasa. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) adalah negeri paling banyak mempunyai hak milik subsidiari berdaftar iaitu sebanyak 62 skim perumahan dan komersil merangkumi 1,327 petak hakmilik. Kesemua skim ini terletak di Bandar Kuala Lumpur.

INISIATIF KERAJAAN

Sebelum ini, hak milik subsidiari

ini bersifat manual. Justeru, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) telah mengambil inisiatif dan melaksanakan penukaran hak milik subsidiari ini kepada hak milik strata bersifat elektronik.

Melalui peruntukan Seksyen 82, Akta Hak milik Strata membolehkan hak milik subsidiari ditukar kepada hak milik strata melalui kaedah-kaedah pengubhsuaian oleh Pihak Berkusa Negeri sebagaimana difikirkan perlu.

Sehubungan itu, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, **Datuk Muhammad Yasir Yahya** menjelaskan, Kaedah Hak milik Strata (Penukaran Hak milik Subsidiari kepada Hak milik Strata) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2020 dikeluarkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (A) 183 pada 11 Jun 2020 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap tanah di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, proses



MUHAMMAD YASIR


penukaran hakmilik manual subsidiari kepada hak milik strata berkomputer (Jadual Ke-enam AHS) di PPTG WP telah didaftarkan secara berperingkat mulai Oktober 2020 hingga selesai penghujung Disember 2020

melalui sistem e-Tanah.

Pihak Jabatan Urur dan Pemetaan (JUPEM) Wilayah Persekutuan turut memberi kerjasama dan berperanan mengemaskini semua pelan akui hak milik sedia ada bagi mematuhi kehendak AHS melalui pelaksanaan anotasi.

“PPTG WP yakin dengan penukaran hak milik pecahan atau subsidiari kepada hak milik strata ini akan memberi impak positif kepada semua 1,327 pemilik hak milik terlibat, dan terus responsif memberi perkhidmatan selari keperluan semasa,” ujarnya.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan penukaran hak milik subsidiari atau pecahan di WPKL ini, bolehlah hadir ke Bahagian Strata, PPTG WP atau ajukan melalui email: tanahwila@ptgwp.gov.my.



CONTOH Hak milik Subsidiari (kanan) yang telah ditukar kepada Hak milik Strata (Kiri) bersifat elektronik.

Peralihan keluar krisis pandemik

PROF MADYA DR NORLIN KHALID

KEJAYAAN negara memulihkan ekonomi daripada keadaan krisis akibat pandemik sangat bergantung kepada kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Sekiranya program vaksinasi berjaya mencapai imuniti kelompok dengan kadar 80 peratus penduduk Malaysia menerima vaksin, semua aktiviti ekonomi dan sosial dapat dijalankan semula seperti biasa dan krisis ekonomi dapat dipulihkan.

Keadaan ini boleh dicapai sekiranya 26 juta rakyat Malaysia beramai-ramai mendapatkan suntikan bagi mencapai sasaran imuniti berkelompok.

Ini terbukti di beberapa negara yang sudah berjaya menjalankan program vaksinasi seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Hungary. Kadar kes positif harian COVID-19 mereka menurun mendadak, begitu juga kadar kematian yang berkurang.

Menurut statistik terkini, sebanyak 13.8 juta individu sudah pun mendaftar untuk vaksin di negara ini. Daripada jumlah itu, lebih 4.5 juta diberikan vaksin di mana 3.2 juta menerima suntikan vaksin pertama dan 1.4 juta lagi lengkap menerima dua dos suntikan.

Dengan itu, kadar terkini sebanyak 13.7 peratus penduduk Malaysia sudah pun divaksin. Negara akan menerima lebih banyak stok vaksin pada akhir bulan ini dan kadar ini pasti meningkat lebih cepat lagi. Mengikut data vaksinasi semalam, sebanyak 190,000 vaksin sudah diberikan. Kadar pemberian vaksin ini meningkat dan dapat dipercepatkan lagi.

Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sudah menjalankan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan.

Kerajaan juga memperluaskan kaedah dan tempat pemberian vaksin seperti membuka lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk membabitkan lebih banyak hospital swasta, serta menggunakan kaedah pemberian vaksin secara bergerak ke kawasan pedalam dan pandu lalu.

Kerajaan mengumumkan strategi Pelan Pemulihan Negara yang membabitkan empat peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat.

Semua fasa ini akan meliputi peralihan prosedur operasi standard (SOP) untuk PKP sektor ekonomi dan sosial secara berperingkat.

bergantung tiga indikator dicerap berdasarkan data dan sains.

Secara keseluruhannya, terdapat empat fasa pemulihan berpaksiakan data tiga indikator ambang utama.

Pertama, kadar jangkitan COVID-19 dalam komuniti; kedua, keupayaan sistem kesihatan iaitu kadar penggunaan katil dan wad kecemasan Unit Rawatan Rapi (ICU); manakala ketiga, peratus kadar populasi yang sudah menerima dua dos vaksin lengkap.

Buat masa kini, kita masih dalam fasa pertama, di mana tahap jangkitan tinggi, kadar penggunaan katil terutama ICU pada paras kritis dan jumlah penerima vaksin yang agak rendah iaitu kurang 15 peratus.

Negara boleh bergerak ke fasa kedua apabila purata kes harian COVID-19 menurun kepada bawah 4,000 kes sehari, sistem kesihatan awam terutama ICU ke paras sederhana dan 10 peratus populasi menerima suntikan vaksin.

Lebih banyak sektor ekonomi akan dibuka, namun aktiviti sosial dan rentas negeri masih tidak dibenarkan.

Fasa ketiga pula boleh dicapai apabila nilai ambang purata kes positif turun kepada bawah 2,000 sehari, sistem kesihatan pada peringkat selesa dan 40 peratus

menerima dua dos vaksin.

Dijangka paling awal mencapai fasa ini adalah pada Ogos depan dan semua aktiviti ekonomi dibenarkan kecuali sektor ekonomi yang berisiko tinggi masih kekal ditutup dan aktiviti membabitkan keramaian yang sukar menjalankan penjarakan sosial. Menariknya, pada fasa ini, sidang Parlimen boleh mula dibuka.

Peringkat terakhir iaitu fasa keempat diunjurkan akhir Oktober apabila nilai ambang purata turun bawah 500 kes, sistem kesihatan pada peringkat selamat dan 60 peratus menerima dua dos suntikan vaksin.

Pada waktu ini, kita kembali ke norma asal harian di mana semua aktiviti ekonomi dibenarkan, pelancongan serta aktiviti rentas negeri juga dibenarkan.

Jika dilihat, pengumuman Pelan Pemulihan Negara secara berfasa ini dapat membantu kerajaan memberikan penjelasan secara telus kepada rakyat mengenai perancangan kerajaan untuk menangani pandemik COVID-19 di negara ini.

Dengan adanya perancangan ini, kerajaan dapat meningkatkan kredibiliti dan keyakinan orang ramai yang pada masa ini masih dalam keadaan samar bilakah situasi pandemik akan pulih dan rakyat boleh kembali menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial.

Bayangkan tanpa vaksin, keadaan PKP yang dialami sebelum ini oleh peniaga dan syarikat

terjejas tentunya satu mimpi negri kerana ketidakpastian mengenai berapa lama pandemik akan berlanjut.

Akibatnya, ramai terpaksa memilih menutup perniagaan mereka atau membuang pekerja.

Justeru, Pelan Pemulihan Negara ini dapat memberikan satu penjelasan telus kepada rakyat mengenai perancangan kerajaan dalam menangani pandemik, khususnya melalui program vaksinasi.

Semakin tinggi fasa berdasarkan kadar vaksinasi, maka semakin longgar sektor ekonomi dan negara dapat pulih daripada kemelesetan ekonomi.

Secara keseluruhannya, Pelan Pemulihan Negara adalah strategi peralihan keluar kemelut pandemik COVID-19 berdasarkan indikator tertentu.

Namun, tidak mustahil kita boleh pulih lebih awal daripada jangkaan sekiranya setiap daripada kita menjaga SOP ditetapkan sepenuhnya.

Selain kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, kejayaan melandaikan keluk COVID-19 serta memulihkan ekonomi memerlukan usaha bersama secara kolektif semua lapisan masyarakat.

Pensyarah Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Warganet kongsi rezeki semasa susah

MOHD AFIQ ZULKIFLI

JANGAN rasa bimbang ataupun segan untuk hubungi saya secara peribadi. *It's my pleasure* untuk berkongsi sedikit sebanyak apa yang saya ada, semampunya. Insya-Allah, ada bahagian anda dalam rezeki saya walaupun sekadar satu hidangan makanan."

Itu antara status yang tular dan banyak dikongsi oleh pengguna media sosial tatkala kerajaan mengambil langkah mengenakan perintah sekat pergerakan penuh sejak 1 Jun lepas berikutan kes COVID-19 yang semakin meningkat.

Pastinya dengan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat dan penutupan sektor ekonomi yang bukan menjadi keperluan, ramai yang terkesan serta hilang punca pendapatan terutamanya golongan B40 menyebabkan netizen Malaysia bersatu tampil berkongsi rezeki sama ada secara individu maupun menerusi persatuan.

Bagi **Zally Ismail**, 38 yang menetap di Kulim, Kedah, beliau terpanggil untuk memuat naik status itu setelah terbaca perkongsian kisah menimpa individu yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekat pergerakan terutama mereka yang bekerja sendiri dan berpendapatan rendah.

Katanya susulan perkongsian hantaran tersebut di akaun Facebooknya, ramai yang telah menghubunginya memohon bantuan termasuk dari Sabah dan Sarawak sehingga tidak cukup tangan untuk membalaunya.

"Ada yang suaminya hilang kerja beberapa hari sebelum 'lockdown' dan kehabisan susu serta lampin menyebabkan mereka tiada pilihan sehingga terpaksa menggantikannya dengan minuman milo dan sirap yang jauh lebih murah walaupun ia tidak sesuai untuk anak yang masih bayi."



RAKYAT Malaysia menggunakan platform media sosial untuk membantu orang ramai yang terjejas akibat PKP. - Gambar fail.

"Ditanya kenapa tidak meminta bantuan jiran atau keluarga berhampiran? Ada yang memaklumkan sudah berbuat sedemikian sehingga ada yang minta anak-anaknya pergi makan di rumah jiran. Tetapi kalau sudah hari-hari berbuat demikian, tentulah ada perasaan malu," katanya ketika dihubungi *Bernama*.

Menurutnya, setakat ini lebih 60 keluarga telah dibantu dan bantuan biasanya dihulurkan setelah ia diselidik dengan teliti berserta bukti sokongan dengan keutamaan diberikan kepada pasangan suami-isteri telah diberhentikan kerja atau sakit.

Katanya bantuan berupa bihun, mi segera, sardin, minyak, tepung diberikan untuk kegunaan seminggu atau dua, namun ramai juga yang mengharapkan lampin dan susu bayi.

Bagi seorang lagi pengguna media sosial **Mohd Nizam Mat Rahim**, 49, dari Bukit Beruntong Selangor, kesusahan yang pernah dialami sebelum ini menyebabkan beliau insaf dan memahami keadaan yang terpaksa dilalui apabila sumber pendapatan terjejas.

"Saya sendiri sebagai pengusaha kantin sekolah, telah melalui kesusahan apabila sudah hampir

setahun sekolah tidak dibuka sehingga menjadikan pendapatan saya. Dengan apa yang ada, saya kongsikan kepada mereka yang lebih memerlukan walaupun sedikit," katanya.

Katanya bantuan yang diberikan itu berupa barang asas dapur dengan anggaran nilai sebanyak RM60 bagi satu keluarga dan sehingga kini beliau telah membantu lapan keluarga yang tinggal berdekatan.

Sementara itu, **Ivan Chan**, 41, pula mengambil pendekatan membuka 'food bank' di cawangan kedainya, kEATchen, yang berkonsepkan 'cloud kitchen' di Petaling Jaya bagi membantu masyarakat yang terjejas akibat perjalanan.

"Saya pernah menerima panggilan daripada seorang kenalan yang memerlukan bantuan atas faktor kehilangan kerja selama setahun dan simpatis dengan situasi yang dialami itu, saya gunakan premis perniagaan saya sebagai tempat untuk mengedarkan makanan bagi membantu masyarakat yang menghadapi situasi yang sama," katanya.

Ivan berkata sejak hari pertama pembukaan food bank tersebut pada 30 Mei lepas, lebih

RM50,000 telah dibelanjakan untuk membeli makanan asas seperti gula, minyak masak, dan beras dengan 500 bungkus diedarkan setiap hari.

Sementara itu seorang penerima **Siti Zaharah Ismail**, 35, berkata bantuan yang diterimanya sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga memandangkan suaminya yang menghidap asma bergantung hanya daripada hasil menoreh getah di kampungnya di Bandar Baharu, Kedah.

"Sejak PKP, operasi kilang kadang-kadang buka, kadang-kadang tutup, jadi suami tidak dapat menjualnya secara

konsisten seperti dulu sehingga menjadikan pendapatan kami sekeluarga.

"Oleh itu, saya tebalkan juga muka mohon bantuan apabila melihat status yang menawarkan bantuan barangan dapur oleh seseorang hamba Allah walaupun sebelum ini tak pernah berbuat sedemikian.

"Rasa malu itu ada kerana mungkin ada keluarga yang lain lebih layak memerlukan, saya hanya mencuba nasib dan tidak sangka ada hamba Allah itu sudi membantu," katanya yang mempunyai tiga anak berusia antara sembilan hingga setahun.

- BERNAMA

- WHO mendefinisikannya sebagai tindak balas semulajadi terhadap kesukaran berlanjut dalam kehidupan seseorang disebabkan pandemik
- Ciri-cirinya termasuk:
 - Berputus asa
 - Rasa tidak puas hati & terasing
 - Melanggar SOP ditetapkan

- | CARA ATASI |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Terima & amalkan norma baharu dalam kehidupan ✓ Manfaatkan teknologi & kerap hubungi keluarga / rakan-rakan ✓ Cari masa untuk berehat & lakukan perkara digemari ✓ Kekal berfikiran positif & lebih fokus ✓ Jaga kesihatan & kekal aktif |


SOP – Prosedur operasi standard
WHO – Pertubuhan Kesihatan Dunia

Diterbitkan: 13 Jun 2021
Infografik Bernama

MENYEKAT AKSES KEPADA UBAT BERBAHAYA

Operasi Pangea XIV
dijalankan di seluruh negara bermula
18 - 25 Me 2021

Tumpuan tahun ini ialah penjelasan dalam talian ubat yang disalanggara untuk merawat COVID-19.



Antara produk tidak berdaftar dengan Paka Berkusa Peranti Perubatan yang diajar:

- Ubat terkawal
- Pelitup muka
- Termometer
- Sarung tangan
- Gauz pembendahan
- Kit ujian COVID-19
- Nasal aspirator
- Swab beralkohol

OPERASI

DISERBU 94 premis

DIRAMPAS
Ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai lebih RM2.2 juta

60% adalah ubat terkawal ci bawah Akta Racun 1952.
18% adalah ubat terkawal kategori bahau psikotropik.

Selebihnya adalah ubat carab tinggi, kencing manis, pil gugur, ubat antiradang & lain-lain yang tidak berdaftar cengah KKM.

Komputer & telefon bimbit yang digunakan sebagai medium pemasaran produk

DISEKAT

Akses ke atas

2,600

laman sesawang termasuk Dark Web yang menawarkan produk ubat berbahaya

PEMERIKSAAN

Dijalankan di semua pintu masuk utama negara melautkan:

- Kargo udara
- Lapangan terbang
- Pos sempadan
- Terminal feri

SEMAK STATUS PENDAFTARAN PRODUK

Ruangan Product Status di www.npra.gov.my



Muat turun aplikasi Npra Product Status dari Google Play Store / Apple App Store / Huawei AppGallery



KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia
Sumber: Kerja Pengaruh Kesihatan Tun Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Diterbitkan: 13 Jun 2021
Infografik Bernama

Sasaran lebih awal imuniti kelompok di Wilayah Persekutuan



Foto: NAZIRUL ROSELAN
AMIN FARJI HASAN

WIAYAH Persekutuan mungkin dapat capai imuniti kelompok lebih awal dari tempat-tempat lain" ini antara potongan ucapan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas beliau melakukan lawatan kerja di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi di bawahnya dengan kerjasama sukarelawan PriVo (Prihatin Volunteer) dan beberapa NGO pada Ahad, 13 Jun yang lepas.

Sejak bermula program vaksinasi bergerak dilancarkan, sebanyak 15,200 permohonan telah diterima oleh beberapa agensi di bawah kementerian.



PARA sukarelawan dari pelbagai latar belakang sedia membantu melancarkan perjalanan Program Vaksinasi Bergerak anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan.



PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin diriinggi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa meluangkan masa melihat sendiri segala proses pemberian vaksin bergerak.



Sasaran lebih awal imuniti kelompok di Wilayah Persekutuan



SUASANA sekitar pemberian vaksin bergerak yang mendapat sambutan daripada masyarakat.



SEBAHAGIAN daripada para sukarelawan yang terlibat dalam program pemberian vaksin bergerak oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



Vaksin Bergerak ke istimewaan buat warga Wilayah Persekutuan



DEEL ANJER

TAHAP penularan COVID-19 di negara kita semakin meruncing dari hari ke hari. Kes yang masih tinggi amatlah membimbangkan rakyat terutamanya kerajaan yang sedaya upaya mengambil langkah terbaik demi keselamatan rakyat.

Selain menjadikan prosedur operasi standard (SOP) sebagai amalan hidup, satu-satunya harapan kita adalah program vaksinasi yang akan mempercepatkan

penurunan kes jangkitan virus ini.

Demi kesihatan warganya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melaksanakan Program Vaksin Bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Antara penduduk yang sudah menerima manfaat daripada program itu adalah mereka yang tinggal di PPR Kampung Muhibbah, Gombak Setia, Desa Rejang, Seri Johor, Sungai Baru, Kampung Baru dan banyak lagi.

Maka, tidak hairanlah ramai selebriti turut mengagumi usaha KWP yang memberikan komitmen tinggi terhadap kesihatan warga Wilayah Persekutuan. WK

Jasmin Hamid percaya sasaran 80 peratus rakyat divaksinasi dicapai

SASARAN kerajaan untuk 80 peratus rakyat negara ini divaksinasi boleh tercapai kerana program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak adalah antara cara berkesan untuk mencapainya.

Bagi pelakon hebat **Jasmin Hamid**, 46, langkah yang diambil Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada masa ini juga seajar dengan hasrat kerajaan bagi mencapai imuniti berkelompok lebih awal daripada yang dijadualkan menjelang penghujung tahun ini.

"Kesedaran tentang kepentingan vaksin COVID-19 semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Sekarang majoriti rakyat berlumba-lumba untuk mendapatkan vaksin. Ini satu perkembangan positif kepada negara dalam memerangi wabak berkenaan."

"Namun, ada antara mereka masih tertunggu-tunggu tarikh janji temu vaksin. Oleh itu, sudah menjadi rezeki sebahagian besar warga wilayah apabila kebanyakan mereka boleh mendapatkan vaksin dalam program yang dianjurkan KWP," katanya.

Dalam pada itu, Jasmin memberitahu, menerusi program yang dianjurkan KWP juga, ia secara tidak langsung mempercepatkan usaha kerajaan untuk mencapai 80 peratus rakyat yang telah divaksin.

Ini kerana katanya, pemberian vaksin secara mobil itu menumpukan kawasan padat seperti penempatan berstrata yang mana penduduk tidak perlu bersusah payah atau bersesak ke pusat pemberian vaksin mega selepas semuanya diaturkan di bawah rumah mereka.

"Bak kata pepatah, orang mengantuk yang disorongkan bantal. Hasrat mereka untuk mendapatkan vaksin akhirnya tercapai," jelasnya yang popular dengan drama bersiri *Cukup Derita Itu*.



JASMIN HAMID

Vaksin mobil bukti kesungguhan kerajaan - Ezlynn

SELEBRITI popular **Ezlynn**, 39, menganggap program vaksin secara bergerak pada masa ini dapat membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha menyelamatkan rakyat daripada dijangkiti COVID-19.

"Tak dinafikan, ada sesetengah masyarakat risau untuk menerima vaksin apabila perlu berkumpul di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermai-ramai.

"Bukan itu sahaja, tidak semua mempunyai kemudahan pengangkutan. Ia menjadi lebih sukar apabila melibatkan warga emas dan OKU.

"Jadi program seumpama ini sebenarnya telah melerai rasa bimbang rakyat. Kesedaran terhadap kesungguhan usaha kerajaan ini semakin meningkat apabila vaksin itu sendiri datang ke kawasan rumah mereka."

"Sejak program ini dijalankan, penduduk luar Wilayah Persekutuan mula berharap vaksin mobil turut diadakan di lokasi mereka," luah Ezlynn yang popular dengan lagu *Goyang*.



EZLYNN

Haiza bangga dengan Sukarelawan Wilayah Prihatin

USAHA KWP mewujudkan Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) mendapat pujian ramai apabila langkah ini memudahkan proses vaksinasi dilaksanakan di Wilayah Persekutuan.

Haiza Hanafi, 41, adalah antara selebriti yang mengagumi pengorbanan PriVo dalam membantu kerajaan memerangi COVID-19.

"Saya melihat PriVo memainkan peranan yang sangat penting di lokasi pemberian vaksin mobil."

"Proses pemvaksinan berjalan lancar dengan adanya PriVo yang membantu para petugas barisan hadapan dari awal hingga tamat sesi pemvaksinan."

"Bayangkan, agak sukar untuk petugas barisan hadapan melaksanakan tanggungjawab mereka jika program ini tidak melibatkan PriVo."

"Saya bangga melihat ramai sukarelawan sanggup turun padang untuk membantu dalam menerangi COVID-19. Ini secara tak langsung menunjukkan warga wilayah saling mengambil berat antara satu sama lain," ujar Haiza yang popular dengan lagu dangdut *Mantan Isterimu*.



Warga emas, OKU tarik nafas lega - Alvin Chong

PELAKON berbangsa Cina yang popular dalam drama Melayu, **Alvin Chong**, 30, memuji usaha KWP menganjurkan program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak menerusi MYMedic@Wilayah.

Bagi Alvin yang juga penyanyi, ia adalah keistimewaan kepada rakyat terutamanya warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU).

"Seperti mana yang kita tahu, ramai warga emas tidak mahir menggunakan gajet dan internet. Ini menyebabkan ada antara mereka tidak mendaftar untuk menerima vaksin di aplikasi MySejahtera."

"Jadi, program ini adalah satu langkah bagus dan bijak dalam memastikan golongan berisiko seperti warga emas dan OKU mendapatkan vaksin," katanya yang turut yakin golongan terlibat turut menarik nafas lega kerana tidak perlu bimbang selepas divaksin.

Menurutnya, golongan terabit juga tidak akan berasa terpinggir selain hanya perlu menantikan suntikan dos kedua selepas ini.

"Bayangkan kalau tidak ada Pusat Pemberian Vaksin bergerak, bilakah agaknya golongan berisiko ini boleh mendapatkan vaksin? Dengan adanya program ini, satu kelebihan buat mereka berbanding yang lain," jelas pelantun lagu *Sayangku Salmah*.



ALVIN CHONG

Saringan percuma COVID-19 di Kuala Lumpur



WILAYAH PERSEKUTUAN
**WILAYAH
PRIHOTIN**

JADUAL PROGRAM SARINGAN COVID-19 PERCUMA

TARIKH	LOKASI
15 - 17 Jun 2021	Dewan PPR Laksamana
15 - 17 Jun 2021	Dewan PPR Desa Petaling
15 - 17 Jun 2021	Dewan PPR Seri Anggerik
15 - 17 Jun 2021	Dewan PA Seri Sarawak
18 - 20 Jun 2021	Dewan PA Seri Selangor
18 - 20 Jun 2021	Dewan PA Seri Pangkor
18 - 20 Jun 2021	Dewan PA Seri Kelantan
18 - 20 Jun 2021	Dewan PA Kenari
21 - 23 Jun 2021	Dewan PA Wangsa Maju R1
21 - 23 Jun 2021	Dewan PA Seri Kedah

* Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan

MUDAH, CEPAT, SELAMAT

CAKNA
KEMISKINAN
DI WILAYAH PRIHATIN

Tan Sri TPr Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan

COVID-19

#WilayahCakna5.0



<http://www.kwp.gov.my/>



Kementerian Wilayah Persekutuan



kwp.my



kw_seriwilayah

Lima snek mudah, sihat dan mengenyangkan



SABRINA SABRE

SEMEMANGNYA terdapat pelbagai pilihan snek dan makanan ringan di pasaran.

Bagaimanapun, tidak semuanya menyihatkan kerana kebanyakannya mengandungi gula, bahan pengawet dan

pewarna yang tidak bagus untuk tubuh badan.

Daripada membazir duit, apa kata anda cuba sendiri 5 resipi snek seperti yang dikongsi akhbar *Wilayahku* edisi kali ini di rumah.

Lainya bukan sahaja untuk sarapan, snek ini juga boleh dimakan pada bila-bila masa.

Bahan-bahannya juga mudah. Malah anda juga boleh mengolahnya mengikut cita rasa sendiri. **Wx**

Cheesy Ball

BAHAN-BAHAN

5 biji ubi kentang
1 blok keju *mozzarella* dipotong kiub
1 cawan tepung gandum
1/2 cawan minyak masak
3 biji telur dipukul
Serbuk roti

CARA PENYEDIAAN

- 1) Kupas ubi kentang dan rebus. Setelah empuk, lenyekkan sehingga hancur. Letak sedikit garam jika perlu.
- 2) Kemudian masukkan minyak dan tepung gandum. Uli.
- 3) Cubit adunan tepung tadi dan leperkan. Kemudian isikan dengan keju. Bulatkan adunan.
- 4) Celup bebola ke dalam bancuhan telur.
- 5) Kemudian golekan di dalam bekas berisi serbuk roti hingga rata.
- 6) Celup sekali lagi dalam adunan telur.
- 7) Salutkan sekali lagi dalam serbuk roti.
- 8) Panaskan minyak dan goreng bebola keju menggunakan api sederhana sehingga kekuningan.
- 9) Sedia untuk dinikmati.



Egg Muffin Berinti Daging

BAHAN-BAHAN

Telur
Lada bengala
Daging kisar
Serbuk kari
Garam
Cheese
Daun bawang

CARA PENYEDIAAN

- 1) Tumiskan daging kisar. Bila dah garing,

- masukkan serbuk kari dan daun bawang.
- 2) Sediakan loyang untuk letak kesemua bahan. Sapukan dengan minyak masak di sekelilingnya.
- 3) Masukkan lada bengala, daging kisar yang dah siap dimasak dan cheese.
- 4) Selepas itu, pecahkan telur dalam mangkuk dan tuangkan telur hingga hampir penuh loyang.
- 5) Akhir sekali, taburkan daun bawang di atasnya.
- 6) Bakar pada suhu 180°C dalam 20-24 minit.



Baked Carrot Chips

BAHAN-BAHAN

Carrot
Olive Oil
Garam (Sedikit sahaja)

CARA PENYEDIAAN

- 1) Basuh bersih carrot.
- 2) Peel carrot dengan agak tebal. (Elakkan dari terputus-putus)
- 3) Setelah siap peel, gaul sama garam dan renjis sikit dengan olive oil.
- 4) Bakar pada suhu tinggi 250°C selama 20 minit.

Granola

BAHAN-BAHAN

4 cup rolled oat
1/2 cup madu
1/2 cup olive oil
Kekacang (almond, walnut, sunflower seed, pumpkin seeds)
Secubit dua cinnamon
Dried cranberries

CARA PENYEDIAAN

- 1) Gaul semua bahan kecuali cranberries sehingga sebat.
- 2) Ratakan bahan atas baking pan yang dialas dengan baking sheet.
- 3) Bakar selama 30 minit dengan suhu 170°C. Flip setiap 8 minit supaya ia masak sekata.
- 4) Setelah keperangan boleh tutup api.
- 5) Apabila sejuk crumple bahan dan campurkan dengan cranberries. Kemudian simpan dalam bekas tupperware yang bertutup.
- 6) Siap. Boleh makan campur dengan susu sebagai healthy snack/breakfast.



Crispy Chicken Finger

BAHAN-BAHAN

2 ulas bawang putih
2 biji telur
5-6 keping biskut cream cracker, dihancurkan
12 biji serbuk lada hitam/lada putih
Garam secukup rasa
Isi ayam tanpa tulang

CARA PENYEDIAAN

- 1) Masukkan lada hitam, bawang putih dan isi ayam ke dalam pengisar. Kisar sehingga lumat.
- 2) Masukkan ke dalam sebuah bekas plastik. Kukus sehingga kenyal.
- 3) Apabila adunan kelihatan sedikit kenyal dan hampir masak, sejukkan dan potong mengikut bentuk jejeri kesukaan anda. Kemudian, celupkan ke dalam telur.
- 4) Seterusnya, gelekkan jejeri tadi di atas serbuk biskut yang sudah dihancurkan.
- 5) Panaskan kuali dan goreng untuk beberapa minit.
- 6) Sedia untuk dihidang bersama sos kegemaran anda.



Empat filem sempena Hari Bapa



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

AYAH, Walid, Daddy, Abi, Papa, Abah merupakan panggilan buat seorang insan yang memikul tanggungjawab besar dalam

membimbing anak-anak dan juga mencari nafkah buat perbelanjaan keluarga. Seorang ayah juga merupakan *role model* dan sentiasa menjadi kayu ukur bagi membentuk keperibadian ahli keluarganya. Meskipun jarang mengucapkan kata sayang namun setiap tindak tanduknya cukup menzahirkan rasa sayang terhadap anak dan juga

isterinya.

Mempunyai perwatakan yang tegas, garang dan jarang bercakap membuatkan anak-anak lebih selesa untuk berkongsi cerita dengan ibu mereka. Namun, dalam diam seorang ayah masih mengambil berat tentang keluh kesah anak-anaknya melalui cerita si ibu.

Meskipun Hari Bapa tidak

mempunyai satu tarikh rasmi seperti hari lain, namun, Hari Bapa tetap disambut meriah bagi memberi peluang kepada kita untuk menghargai pengorbanan dan jasa yang telah mereka curahkan. Pada kali ini, *Wilayahku* menyenaraikan empat filem menggambarkan tentang kasih seorang ayah mengatasi segalanya.

WK



#1 Papadom

Pengarah: Afdlin Shauki
Pelakon: Afdlin Shauki, Liyana Jasmay


SAADOM adalah seorang pegusaha kedai makan yang terlalu kuat bekerja sehingga berjaya mengejar impian hidupnya, namun dia gagal dalam tanggungjawabnya sebagai suami kepada Munirah dan ayah kepada Miasara. Situasi ini berubah apabila Saadom kehilangan isteri kesayangannya yang mati dalam satu kemalangan ketika ingin melihat anaknya menerima anugerah di sekolah selepas suaminya memberikan alasan

sibuk. Sejak peristiwa itu, Saadom tidak lagi seperti dulu, setiap jam yang ada dalam sehari dihabiskan Saadom untuk menemanai anaknya. Pendek kata, dari seorang ayah yang terlalu sibuk dengan kerjayanya kini berubah menjadi seorang ayah yang terlalu mengambil berat dan mengongkong anaknya.

Namun, pengorbanannya berbaloi apabila Miasara ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA. Miasara tidak lagi mahu ayahnya mengikutnya ke Kuala Lumpur dan mengugut akan berhenti belajar sekiranya tidak patuh pada arahannya. Saadom akur akan tetapi dia mempunyai cara lain untuk melindungi dan menjaga anaknya iaitu dengan memohon jawatan sebagai tukang

kebun di kampus tempat anaknya belajar. Hubungan darah antara Saadom dengan Miasara langsung tidak diketahui oleh sesiapa. Dilonjakkan lagi dengan ugutan Shasha yang mahu memerangkap Saadom dan Miasara, kerana dendki Shasha terhadap Miasara, menjadi kemuncak dalam filem ini.

Filem ini bukan sekadar menyentuh hati, malah turut mencuit hati yang berjaya menggabungkan elemen kelakar dan juga terharu. Ia bukan sahaja menggeletek hati orang dewasa malah kanak-kanak juga. Papadom menunjukkan tentang kasih seorang ayah terhadap anaknya sehingga tidak menyedari bahawa tindak tanduknya mengongkong anaknya yang semakin meningkat dewasa.



Pengarah: Gabriele Muccino
Pelakon: Will Smith, Jaden Smith

ADAPTASI daripada sebuah kisah benar yang berlaku pada tahun 1981, mengenai kesusahan dan keperitan sebuah keluarga dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Chris Gardner merupakan seorang ayah dan juga jurujual yang telah melaburkan semua wang simpanannya bagi membeli mesin pengimbas ketumpatan tulang mudah alih dalam jumlah yang banyak dengan anggapan alat tersebut berpotensi tinggi untuk dijual kerana ia adalah lebih bagus daripada mesin sedia ada di hospital. Namun, harga mesin tersebut yang dua kali ganda lebih mahal dari mesin sedia ada menyebabkan para doktor memilih untuk menggunakan mesin sedia ada dan menyebabkan Gardner sukar

mencari pembeli bagi mesin tersebut.

Kegagalan Gardner menjual mesin tersebut mengakibatkan isterinya tertekan lalu mengambil keputusan untuk berhijrah ke New York dan melepaskan hak penjagaan anak kepada Gardner. Tidak mampu membayar sewa menyebabkan Gardner dan anaknya telah dihalau keluar oleh tuan rumah. Suatu saat yang sangat menyedihkan apabila Gardner dan Christoper terpaksa tidur dalam tandas di stesen kereta api bawah tanah sehinggakan Gardner menitiskan air mata mengenangkan nasibnya.

Oleh kerana itu, Gardner bekerja keras dalam memastikan dia menjadi seorang broker saham dan usahanya berbaloi apabila diambil bekerja di *Dean Witter*. Filem ini agak berat akan tetapi sarat dengan motivasi dan pesanan kemanusiaan.



#3 Hope

Pengarah: Lee Joon-ik
Pelakon: Sol Kyung-gu, Uhm Ji-won, Lee Re

SEBUAH filem berdasarkan peristiwa sebenar di Korea, ‘Na Yeong Case’ pada tahun 2008. Dalam perjalanan ke sekolah sambil membawa payung, seorang kanak-kanak perempuan bernama So-Won, dihampiri oleh seorang lelaki tua yang kononnya ingin menumpang payung So-Won. Malangnya peristiwa tersebut menyebabkan So-Won dirogol, diseksa secara seksual dan brutal oleh lelaki tua itu serta dipukul separuh mati.

Akibatnya, dia menderita secara luaran dan dalaman. Keluarga bahagia mereka musnah, walaupun sudah pulih, emosi So-Won masih tidak stabil dan kejadian hitam itu menyebabkan So-Won trauma dengan lelaki meskipun dengan ayahnya sendiri, Dong-Hoon.

Trauma anaknya menyebabkan Dong-Hoon terpaksa mengambil inisiatif memakai maskot karakter kartun kegemaran anaknya agar dapat berinteraksi dengannya. Kisah meruntun jiwa ini memperolehi cukup banyak kekuatannya dari persembahan lakonan yang ditampilkan begitu baik dan sempurna, dari karakter utama hingga peranan tambahan.


Filem ini menggambarkan trauma yang dihadapi So-Won serta pengorbanan dan usaha yang dilakukan oleh seorang ayah yang mahu berinteraksi dengan anaknya dan berharap agar anaknya melupakan kejadian hitam tersebut untuk menjalani kehidupan normal seperti kanak-kanak yang seusa denganannya.

Pengarah: Andrew Stanton
Pelakon: Albert Brooks, Ellen DeGeneres

ANDA tidak pernah terlalu tua untuk menonton filem animasi. *Finding Nemo* adalah filem animasi 3D dari Disney Pixar yang ditayangkan pada tahun 2003. Menceritakan tentang perjalanan Marlin yang mencari anaknya, Nemo. Marlin adalah seekor ikan jenis *clown fish* yang sangat *protective* terhadap anaknya kerana anaknya mempunyai sirip cacat.

Ia disebabkan oleh sebuah tragedi negeri yang membunuh isteri serta telur-telurnya yang lain.

Pada suatu hari, Nemo berusaha ke permukaan laut untuk menyentuh kapal serta melihat apa yang berada di permukaan laut meskipun telah dilarang beberapa kali



#2 The Pursuit of Happyness

Perangi COVID-19 di Labuan

Lapan lokaliti dikenakan PKPDB



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SUSULAN peningkatan kadar kes positif COVID-19 di Pulau Bebas Cukai itu yang semakin meningkat dan membimbangkan, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) di lapan lokaliti bermula 15 Jun hingga 28 Jun 2021.

Pengerusinya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, lapan lokality yang terbabit adalah Kawasan

Bandar, Kg Sungai Keling, Kg Bukit Kalam, Kg Patau-Patau, Taman Mutiara, Kg Layang-Layangan, Kg Durian Tunjung, Kg Tanjung Aru.

Jelasnya, pemilihan lapan lokaliti itu telah dibuat berdasarkan kawasan yang telah dikenalpasti mencatatkan kes jangkitan COVID-19.

“Sekatan jalannya akan ditambah di lokasi-lokasi yang strategik di dalam kawasan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan, pada Sabtu.

Bagaimanapun, Rithuan berkata sepanjang tempoh pelaksanaan PKPDB, penduduk yang mempunyai urusan kecemasan



RITHUAN

sahaja dibenarkan keluar dari kawasan itu.

Tambah beliau, pihaknya juga akan menyelaraskan dan mengagihkan bekalan makanan kepada penduduk mengikut kawasan bersasar serta keperluan.

“Sektor perniagaan masih berjalan mengikut prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).”

“Bekalan barang keperluan di pasaran juga akan dipantau secara berterusan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP),” katanya. WK



ANGKATAN TUDM memasang kawat di Jalan Bandar susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bersasar yang membabitkan 8 lokaliti pada 15 Jun.

4,500 bakul makanan telah diagih sepanjang tempoh PKPD - JKM

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan telah mengagihkan sebanyak 4,500 bakul makanan kepada golongan yang terjejas sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurut Pengarah JKM Labuan **Ansharey Matarsad**, golongan yang menerima bantuan itu adalah mereka yang menjalani kuarantin dan golongan B40 yang terkesan sejak PKPD.

“Kita(JKM) kini memfokuskan bagi membantu golongan B40 yang terkesan dan hanya diberikan kepada mereka yang layak berikut sumber (bakul makanan) yang terhad,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima sumbangan bakul makanan daripada pihak syarikat Deevin Development Sdn Bhd di Bangunan JKM, pada Jumaat lalu.



SYARIKAT Deevin Development Sdn Bhd yang diwakili Alex (kanan) menyumbangkan barang keperluan kepada Ansharey (kiri).

Dalam pada itu, beliau turut maklumkan pihaknya turut menerima sebanyak 200 bakul makanan daripada syarikat Construction China Bank atas kerjasama daripada Pengurusi Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ansharey berkata setakat ini pihaknya telah menerima sebanyak 2,000 bakul makanan

atas sumbangan pihak syarikat swasta, persatuan NGO dan individu perseorangan.

“Kita amat mengalukan kepada mana-mana pihak yang berkemampuan untuk menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk barang keperluan untuk disalurkan kepada golongan yang terkesan dalam tempoh PKPD ini,” jelasnya. WK



ANSHAREY (tiga dari kanan) menerima sumbangan bakul makanan daripada Syarikat Construction China Bank.

100,000 vaksin COVID-19 dihantar ke Labuan

SUSULAN peningkatan kadar jangkitan COVID-19 di Pulau Bebas Cukai ini yang semakin membimbangkan, sebanyak 100,000 dos vaksin bakal dihantar ke Labuan bermula minggu ini.

Ahli Parlimen Labuan, **Datuk Rozman Isli** berkata, proses vaksinasi perlu di segerakan dalam keadaan Labuan sudah merekodkan kadar jangkitan yang terlalu tinggi sejak beberapa minggu ini.

Katanya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memaklumkan sebanyak 100,000 dos akan dihantar ke Labuan bermula dengan 30,000 dos dalam minggu ini.

“Permohonan sudah dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri Labuan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan Menteri MOSTI dan Menteri Wilayah Persekutuan mengenai penghantaran vaksin yang perlu diseferakan ke Labuan.

“MOSTI turut memberitahu bahawa akan menghantar satu pasukan kesihatan khas bagi membantu pasukan kesihatan yang sedia ada Labuan untuk memastikan pemberian vaksin dapat dilaksanakan dengan kadar segera,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Rozman meluahkan rasa kerisauan apabila berlakunya pembelian panik di beberapa pasar raya yang menyebabkan kesesakan apabila ‘LOCKDOWN Bersasar’ untuk 8 lokaliti di Pulau bebas cukai itu di umumkan dua hari lepas.

Katanya, situasi itu akan meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 dan lonjakan kes baharu akan berlaku lagi.

“Padahal keadaan sudah mula melihatkan penurunan sekarang ini. Walaupun jangkitan masih tiga angka tetapi sebenarnya sudah menurun dari segi peratusan kes positif berbanding jumlah saringan yang dibuat,” katanya.

Justeru itu, beliau menyeru semua rakyat mengambil langkah-langkah serius untuk menjaga diri dan keluarga. Semua prosedur operasi standard (SOP) perlu dipatuhi untuk keselamatan diri dan untuk membantu melandaikan dan memutuskan rantaian jangkitan. WK



ROZMAN

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MPPWP Sub Zon 3 Setiawangsa anjur marathon sanitasi

SYAHIDI BAKAR

BAGI mencegah penularan pandemik COVID-19 di dalam kalangan masyarakat, usaha kerjasama dibentuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, Setiawangsa dan Jabatan Amal Setiawangsa serta Persatuan Penduduk setempat.

Kerjasama strategik untuk menjayakan Program Marathon Sanitasi Mencegah COVID-19 itu, kata Pengerusi MPPWP Sub Zon 3, **Ubaid Abd. Akla** adalah antara usaha berterusan bagi memastikan keselamatan penduduk terbaik seterusnya dapat menjalani kehidupan sehari-hari dengan selesa.

Katanya, program marathon yang bermula 26 Mei sehingga 12 Jun 2021, menyaksikan ketiga-tiga pihak terlibat bekerjasama laksanakan sanitasi di kawasan perumahan awam terutamanya di lokasi yang mencatat kes jangkitan COVID-19 tinggi.

"Kawasan terlibat iaitu 34 blok Perumahan Awam (PA) Seksyen 10, Surau Darul Huda



UBAID Abd. Akla (baju melayu) ketika melepaskan para patugas yang terlibat dalam program Marathon Sanitasi Basmil COVID-19 di Setiawangsa.

selain empat blok Pangsapuri Andika, Pangsapuri Mahsuri (27) Pangsapuri Intan (17), Pangsapuri Sri Ayu (6) dan Pangsapuri ATM.

Selain itu, marathon sanitasi selama 18 hari turut jadikan Medan Selera, Surau An-Nur dan Surau Ar Rasyidin di Puncak Setiawangsa antara kawasan yang dijadikan fokus untuk kerja menyahkuman berbahaya

COVID-19," katanya.

Marathon Sanitasi Mencegah COVID-19 ini ketuai Ketua Pemuda, Ustaz Anas Fitri Che

Man sambil dibantu Komandan Amal Setiawangsa, Subhan Djupri bersama pasukan masing-masing bekerja keras memastikan setiap lokasi terbabit dibersih sebaik mungkin demi kesejahteraan rakyat.



PROGRAM marathon sanitasi dilakukan.

Selain itu, kata Ubaid, program itu juga mendapat sambutan baik masyarakat setempat khususnya dalam memastikan kawasan kediaman selamat dan kurangkan risiko merebaknya COVID-19.

Menurutnya, selain MPPWP Sub Zon 3, Pengerusi Persatuan Penduduk yang terlibat turut zahirkan jutaan terima kasih

kepada pihak Jabatan Amal Setiawangsa yang cekap dan pantas melaksana tugas sehingga banyak kawasan dinyahkuman.

"Program sebegini akan diteruskan lagi terutama dalam tempoh PKP, membantu kerajaan turunkan kadar kes COVID-19 dan masa sama tingkatkan kesedaran awam utamakan kebersihan," ujarnya. **WK**

100 warga muda terpilih terima bantuan bakul makanan

KELAB Anak Muda Seputeh (KAMUSE) komited meneruskan usaha menyalurkan bantuan kepada golongan sasar memerlukan khususnya di dalam kawasan Parlimen Seputeh.

Terkini, sebanyak 100 bakul makanan disumbang kepada 100 anak muda yang terkesan sepanjang fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang menyaksikan kebanyakan mereka hilang pekerjaan dan tiada punca pendapatan.

Presiden KAMUSE, **Nur Hafies Wahid** berkata, ke semua mereka yang bermastautin di Seputeh itu telah disantuni dengan memberi sedikit bantuan makanan bagi meringankan beban belanja serta menzahirkan keprihatinan terhadap kesukaran yang terpaksa dilalui.

Katanya, serahan bantuan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa sepanjang PKP 3.0 diharap dapat meredakan kegelisahan mereka yang kini bergelar pengangguran.

"Serahan Bantuan Bakul Makanan kepada anak muda ini dilakukan di beberapa kawasan seperti di Kuchai Entrepreneurs Park (KEP), Taman Desa, Seri Petaling dan Taman Sungai Besi.

"Kami juga komited akan teruskan Bantuan Bakul Makanan ini di masa akan datang dan



NUR Hafies (kiri) ketika mengetuai rombongan KAMUSE bagi menyampaikan sumbangan Bantuan Bakul Makanan kepada anak muda di sekitar Parlimen Seputeh, baru-baru ini.

bilangan agihannya bergantung kepada hasil bantuan yang kami terima daripada sumbangan orang ramai di luar sana yang prihatin," katanya.

Antara barang disumbangkan melalui Bantuan Bakul Makanan itu ialah barang keperluan dapur, ayam proses dan sedikit sumbangan wang tunai.

Menurut Nur Hafies, objektif utama sumbangan

itu dilaksanakan adalah untuk ringankan beban anak-anak muda sepanjang PKP 3.0 dilaksana.

Selain itu katanya, program sumbangan itu turut dibantu rakan strategik KAMUSE, antaranya ialah Yayasan Food Bank Malaysia, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Majlis Belia dan Sukan Seputeh dan para penyumbang persendirian.



PROGRAM sumbangan itu turut dibantu rakan strategik KAMUSE, antaranya ialah Yayasan Food Bank Malaysia, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Majlis Belia dan Sukan Seputeh dan para penyumbang persendirian.



**Soalan:**

ASSALAMUALAIKUM. Pada 6 bulan yang lepas, suami saya telah diberhentikan kerja kerana masalah kewangan syarikat. Kini, saya terpaksa menanggung perbelanjaan keluarga memandangkan suami kehilangan punca pendapatan. Apakah hukum suami menjadi "house husband" dan isteri menanggung perbelanjaan keluarga?

Jawapan:

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari Akhirat.

Secara asasnya, menjadi kewajipan ke atas suami untuk menafkahi isteri dan anak-anaknya. Namun, jika isteri pula mengambil tanggungjawab menafkahi suami dan anak-anaknya, maka ia dikira ihsan dan pahala yang besar ke atasnya. Tanggungjawab seorang suami menafkahi isteri ini telah disebut dalam al-Quran:

Daripada Jabir RA, bawha Rasulullah:

"Mulakan nafkah dengan dirimu. Jika berbaki, berikanlah kepada ahli keluargamu. Jika masih berbaki, berikanlah kepada saudara-maramu yang terdekat dan jika masih berbaki lagi, berikanlah kepada mereka dan seterusnya."

Riwayat al-Bukhari (6763) dan Muslim (997)

Selain itu, dalam kitab Fiqh al-Manhaji juga ada menyebut bahawa seorang suami wajib menafkahkan isteri dan anak-anak kandungnya yang tidak mampu mencari nafkah sendiri atas faktor masih kecil, sakit, cacat atau gila.

Berdasarkan firman Allah SWT:

"Kemudian, jika mereka menyusukan anak untuk kamu,

Hukum suami tidak bekerja dan menjadi suri rumah

maka berikanlah kepada mereka upahnya."

(Surah al-Talaq: 6)

Ayat ini menjelaskan bahawa wanita yang menyusukan anak orang lain wajib diberikan upah oleh bapa kepada anak tersebut. Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa kewajipan memberi nafkah kepada anak lebih utama dilaksanakan oleh seorang bapa. Firman Allah SWT:

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya."

(Surah al-Baqarah: 233)

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah RA :

"Hindun binti 'Utbah berkata: "Wahai Rasulullah! Abu Sufyan ialah seorang lelaki yang bakhil dan tidak pernah memberi aku belanja yang mencukupi untukku dan anaku melainkan yang aku ambil daripadanya tanpa pengetahuannya." Rasulullah SAW bersabda: "Ambillah perbelanjaan untukmu dan anakmu secukupnya."

Riwayat al-Bukhari (5049) dan Muslim (1714)

Sementara itu, dari segi urutan pemberian nafkah, kedudukan memberi nafkah kepada isteri pula adalah lebih utama berbanding anak-anak. Firman Allah Ta'alā :

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana



WAJIB bagi seorang suami untuk berusaha sebaik mungkin menafkahi ahli keluarganya dengan sedaya upaya tanpa bergantung kepada pendapatan isteri semata-mata.

Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) ke atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafaqah) sebahagian dari harta mereka."

(Surah al-Nisa':34)

Kewajipan ini turut dijelaskan lagi menerusi hadith yang diriwayatkan daripada Jabir RA, katanya:

"Bertaqwalah kepada Allah dalam mengendalikan urusan kaum wanita. Kamu mengambil mereka dengan amanah Allah... Kewajipan kamu pula ialah memberikan nafaqah dan pakaian yang sepatutnya kepada mereka. Sesungguhnya, aku tinggalkan satu perkara yang kamu tidak akan sesat selama-lamanya, selagi kamu berpegang dengannya, iaitu kitab Allah."

Riwayat Muslim (1218)

Nafkah kepada isteri mempunyai kadar tertentu. Walau bagaimanapun, jumlah dan jenisnya berbeza berdasarkan kemampuan suami. Kedudukan isteri dari segi kekayaan, kemiskinan, keturunan dan lain-lain tidak mempengaruhi kadar tersebut kerana faktor yang diambil kira ialah kemampuan suami. Firman Allah SWT:

"Hendaklah orang yang mampu memberi nafaqah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafaqah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu), Allah tidak memberi seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan

kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."

(Surah al-Talaq (7)

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas, kami berpandangan bahawa wajib bagi seorang suami untuk berusaha sebaik mungkin menafkahi ahli keluarganya dengan sedaya upaya tanpa bergantung kepada pendapatan isteri semata-mata. Sekurang-kurangnya suami hendaklah berusaha menyediakan tempat tinggal yang selamat dengan keperluan serta kemudahan asas seperti tempat tidur, memasak, makanan dan minuman, pakaian yang sesuai dan menutup aurat, serta alatan kebersihan untuk isteri dan anak-anaknya.

Kegagalan dalam menyediakan kelengkapan ini akan merendahkan martabat seorang lelaki yang dipertanggungjawabkan oleh Syarak untuk menjaga keluarganya. Sekiranya seorang lelaki itu enggan dan tidak mahu berusaha menafkahi keluarganya dalam keperluan asas, maka isteri memiliki hak untuk membubarkan perkahwinan dan ia tidak dikira berdosa. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abi Hurairah RA, katanya:

"Nabi bersabda tentang seorang lelaki yang tidak mempunyai sesuatu untuk diberi nafaqah kepada isterinya: "Pisahkan mereka berdua."

Riwayat al-Daraqutni (3/297)

Oleh itu, hukum suami menjadi suri rumah adalah tidak digalakkkan jika tidak direhdai oleh isteri. Namun jika isteri meredhainya, maka ia dibenarkan sebagaimana diharuskan bagi suami mengambil mahar isteri sekiranya dibenarkan. Wallahu'lam.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500

wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA
DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Esekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.



Kerajaan kaji guna campuran AZ-Pfizer

KERAJAAN sedang mempertimbangkan kaedah heterologi atau campuran dua vaksin sebagai sebahagian pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin, berkata kerajaan memang mengkaji untuk memberikan dua jenis vaksin, berikutnya banyak negara sudah berbuat demikian.

Katanya, kaedah itu adalah bagi meningkatkan antibodi peneutralan serta keberkesanannya sesuatu vaksin.

"Perkara ini sedang diteliti oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV). Kita mempunyai beberapa data 'real-world' yang diterima dari Jerman mengenai vaksinasi heterologi menggunakan AstraZeneca bagi dos pertama dan Pfizer untuk dos kedua.

"Ini sememangnya sudah terbukti meningkatkan peneutralan antibodi dan menjadi lebih efektif terhadap varian, selain ia juga

ga sesuai apabila kita menghadapi kekurangan bekalan vaksin, jadi mencampurkan dua jenis vaksin itu akan lebih baik," katanya pada sesi webinar Rabu malam yang boleh ditonton menerusi YouTube.

Sesi webinar itu dihoskan oleh Oxford and Cambridge Society of Malaysia, berlangsung kira-kira satu jam setengah.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagaimanapun, berkata kerajaan tidak akan tergesa-gesa untuk membuat keputusan sebelum selesai mendapatkan banyak data.

"Kita akan melihat dengan teliti. Selepas kumpulan kerja teknikal jelas mengenai hal itu, mereka akan memberi nasihat kepada jawatankuasa yang saya ketuai bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan kita akan melaksanakan vaksinasi heterologi," katanya.

Katanya, kerajaan optimis terhadap kaedah itu, berikutnya ada kemungkinan kerajaan akan

laksanakan susulan banyak negara sudah melakukannya.

"Tambahnya pula ketika ini, kita sedang menghadapi masalah bekalan vaksin, jadi boleh mencampurkan kedua-duanya untuk mendapatkan kesan yang baik," katanya.

Beliau berkata, laporan data awal dari percubaan Jerman yang membabitkan kumpulan ujian kecil hanya 26 pesakit muda yang mencadangkan kombinasi dos vaksin AstraZeneca dan Pfizer mencetuskan tindak balas imun hingga empat kali lebih kuat daripada jika diberikan dua dos vaksin yang sama.

"Ujian menunjukkan, kaedah vaksinasi heterologi menjadi lebih efektif dalam meneutralkan antibodi untuk melindungi penerima dari jujukan COVID-19 baru seperti strain Alpha dan Beta.

"Juga dilaporkan bahawa dos berulang daripada salah satu vaksin menunjukkan kecenderungan untuk menjadi kurang efektif dari semasa ke semasa, atau menyebabkan kesan sampingan yang lebih kuat dengan dos berulang," katanya.

KAJIAN SYOR CAMPURAN PFIZER ASTRAZENECA BERKESAN



Kes menurun tapi katil ICU masih penuh kerana varian-varian baru - KKM

BIARPUN jangkaan kes-kes baru COVID-19 akan menurun namun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memohon kerjasama rakyat Malaysia untuk kekal mematuhi norma baharu dan prosedur operasi standard (SOP).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, walaupun terdapat penurunan kes

baharu harian bagi tempoh dua minggu sejak pergerakan iaitu mulai 1 Jun lalu, kes-kes COVID-19 di Unit Rawatan Rapi (ICU) masih tidak menunjukkan penurunan ketara.

Katanya, hal ini berikutan kemunculan varian-varian baharu yang mengakibatkan kes-kes dikesan dengan gejala serius iaitu kategori 4 serta 5 dan merosot pada kadar yang lebih cepat.

Menurut beliau, keadaan ini menyebabkan lebih ramai pesakit memerlukan bantuan oksigen dan alat pernafasan khususnya dalam kalangan golongan rentan seperti warga emas serta pesakit yang menghidap lain-lain penyakit (komorbiditi).

"Penggunaan kapasiti ICU yang melebihi 100 peratus ini amat membimbangkan di mana tidak semua pesakit yang memerlukan rawatan kritis dapat ditempatkan di ICU.

"Selain itu, penggunaan katil

KES COVID-19 DI ICU TERUS MENINGKAT

Bermula sejak 25 April - 12 Jun 2021

Kadar penggunaan katil ICU kini melebihi

100%

Ia membimbangkan kerana tidak semua pesakit yang perlu rawatan kritis dapat ditempatkan di ICU

USAHA DILAKUKAN

Bekerjasama dengan:

- Hospital pengajar KPT untuk guna fasiliti merawat pesakit COVID-19
- ATM untuk tubuhkan 6 Hospital Medan di hospital KKM
- 112 hospital swasta khususnya di Lembah Klang melibatkan 1,274 katil wad biasa & 128 katil ICU

Naik taraf kegunaan katil di wad biasa kepada katil rawatan pesakit kritis

Sumber: Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

PUNCA?

- Kemunculan varian baharu
- Menyebabkan kes berjelajah serius (Kategori 4 & 5)
- Kesihatan pesakit merosot lebih cepat
- Lebih ramai pesakit perlu bantuan oksigen khususnya golongan rentan (warga emas & pesakit komorbiditi)

Penggunaan katil melebihi kapasiti susulan tempoh pemulihan pesakit yang lama kerana komplikasi serius

PURATA TEMPOH RAWATAN DI ICU :

- Kategori 4: 14 - 16 hari
- Kategori 5: 19 - 26 hari

ICU: Unit Rawatan Rapi
PKRC: Pusat Kuarters & Rawatan COVID-19
ATM: Angkutan Tempatan Malaysia
KPT: Kementerian Pengajian Tinggi
KKM: Kementerian Kesihatan Malaysia

Tambah kapasiti katil:
11,598 | 31,861

di hospital di PKRC

yang melebihi kapasiti ini juga disebabkan oleh keperluan tempoh pemulihan yang lama bagi pesakit-pesakit ICU untuk sembuh disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 yang serius.

"Secara purata, tempoh ra-

watan di ICU bagi kategori 4 adalah di antara 14 hari ke 16 hari, manakala bagi pesakit kategori 5 pula, tempoh rawatan di ICU adalah di antara 19 hari ke 26 hari," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Prasarana tawar aset bantu vaksinasi

PRASARANA Malaysia Berhad (Prasarana)

prasarana

menawarkan penggunaan aset miliknya untuk menjadi pemacu kepada Pelan Pemulihan Negara serta mempercepatkan proses vaksinasi khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Pahang.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Datuk Norlia Noah berkata syarikat itu sedia menjadikan bas miliknya termasuk di Pulau Pinang dan Pahang sebagai pusat vaksinasi bergerak.

"Prasarana menyokong penuh Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) dua hari lepas dan misi kerajaan untuk membawa negara keluar segera daripada krisis penularan wabak COVID-19 ini.

"Sebagai tunggak utama pengangkutan awam negara, Prasarana akan bekerjasama dengan pelbagai kementerian, agensi, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjalankan program khidmat masyarakat bagi memastikan program vaksinasi nasional berjalan dengan lancar," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Buat masa masa ini, bas kendalian Prasarana turut digunakan di Pulau Pinang untuk pemindahan pesakit COVID-19 ke stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. - BERNAMA

Prasarana juga menawarkan untuk membuka pusat vaksinasi sementara di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) seperti Stesen LRT Putra Heights dan Stesen LRT Awan Besar, yang mempunyai kemudahan serta kawasan parkir kereta yang luas bagi memudahkan orang ramai.

Selain itu, Prasarana sedang merancang pelan menawarkan staf Prasarana berkhidmat sebagai sukarelawan di pusat vaksinasi bagi membantu meringankan beban ditanggung petugas bariisan hadapan Kementerian Kesihatan ketika ini.

Prasarana akan terus menggunakan platform pengiklanan kendaliannya termasuk skrin di stesen LRT dan monorel serta aset digital di dalam bas dan tren dalam mempromosi dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan vaksinasi serta Pelan Pemulihan Negara.

Buat masa masa ini, bas kendalian Prasarana turut digunakan di Pulau Pinang untuk pemindahan pesakit COVID-19 ke stesen kuarantin yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Empat fasa Pelan Pemulihan Negara

KERAJAAN membentangkan Pelan Pemulihan Negara sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada keadaan pandemik COVID-19.

Strategi terbabit merangkumi empat fasa dan akan membabitkan pelan peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat.

Perdana Menteri, **Tan Sri Muhyiddin Yassin**, berkata setiap fasa pelan pemulihan itu berpaksikan kepada data yang bersandarkan tiga indikator ambang utama untuk beralih dari satu fasa ke fasa seterusnya.

Katanya, tiga indikator adalah keadaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peratusan yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin.

"Pendekatan ini secara berperingkat ini bermula dengan fasa pertama iaitu pelaksanaan PKP menyeluruh yang sedang dilaksanakan sekarang dalam keadaan bilangan kes COVID-19 adalah tinggi, sistem kesihatan awam di tahap kritis dan kadar pencapai vaksinasi yang masih rendah.

"Kerajaan akan menimbang

peralihan daripada fasa pertama kepada fasa kedua selepas purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 4,000 kes, sistem kesihatan awam tidak lagi berada di peringkat kritis dan 10 peratus populasi sudah menerima dua dos suntikan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan perutusan Pelan Pemulihan Negara pada Selasa.

Muhyiddin berkata, menerusi fasa kedua, aktiviti sosial dan kawalan pergerakan terus dikawal dengan ketat manakala aktiviti ekonomi akan dibuka secara berperingkat dengan membenarkan kapasiti pekerja sehingga 80 peratus di premis.

Pendekatan senarai positif diteruskan iaitu hanya sektor yang tersenarai dibenarkan beroperasi manakala yang tidak tersenarai masih ditutup.

Senarai positif daripada fasa pertama akan diperluaskan ketika fasa kedua dengan menambahkan beberapa sektor selain aktiviti sosial dan rentas negeri masih tidak dibenarkan.

"Fasa ketiga pula membabitkan peralihan daripada pendekatan senarai positif kepada senarai negatif iaitu semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi kecuali yang berisiko tinggi.

"Kita boleh beralih kepada fasa



"Pelan Pemulihan Negara juga merupakan pelan yang dinamik di mana sekiranya kita berjaya dalam tiga indikator utama pada mana-mana fasa, Kerajaan boleh terus mengambil keputusan untuk bergerak ke fasa seterusnya"

YAB Perdana Menteri
15 Jun 2021

Strategi Pelan Pemulihan Negara



ketiga jika kita berjaya mencapai nilai ambang iaitu purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 2,000 kes, sistem kesihatan awam berada di tahap selesa dan 40 peratus populasi negara sudah menerima dua dos suntikan vaksin," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, fasa keempat akan dilaksanakan jika negara berjaya mencapai nilai ambang iaitu purata kes harian menurun di bawah 500 kes, sistem kesihatan awam berada di paras selamat termasuk kadar penggunaan katil

ICU mencukupi serta 60 peratus populasi menerima dua dos suntikan vaksin.

"Berdasarkan unjuran pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), peralihan ini dijangka dapat dilaksanakan seawal akhir Oktober ini," katanya.

Pelan Pemulihan Negara untuk semua - Annuar

PELAN Pemulihan Negara yang memfokuskan kepada usaha kerajaan khususnya melandaikan leruk jangkitan COVID-19, merancakkan suntikan vaksinasi dan pemberian bantuan kepada rakyat terjejas disifatkan sebagai kerangka komprehensif untuk kesejahteraan semua pihak.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, berkata usaha berterusan giat dijalankan bagi menyokong inisiatif kerajaan di Wilayah Persekutuan.

"Di Wilayah Persekutuan, kita telah pun memulakan Program Vaksinasi Bergerak MYMedic@Wilayah khusus untuk mempercepatkan dan merancakkan lagi vaksinasi kepada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan awam serta golongan pekerja industri dan gelandangan.

"Dalam masa terdekat, peniaga-peniaga di pasar borong dan

penduduk di kampung tradisi di Kuala Lumpur akan menerima suntikan vaksin di kawasan masing-masing," katanya dalam kenyataan di Facebook, pada Rabu.

Annuar turut berkata, proses vaksinasi kepada penduduk di Labuan juga sedang diperhebatkan.

Beliau berkata, secara tidak langsung, ia menyokong usaha kerajaan untuk mendapatkan imuniti kelompok pada kadar segera.

Beliau berkata, sejak pelaksanaan PKP mulai 1 Jun lalu, Inisiatif Wilayah Cakna 5.0 sudah diumumkan bagi menyalurkan beberapa bantuan bertujuan mengurangkan beban mereka yang terkesan.

"Bantuan tambahan kepada penduduk lokaliti Labuan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) turut saya umumkan semalam bagi membolehkan rakyat dibantu sekali gus dapat menempuh tempoh yang mencabar ketika ini," katanya.



ANNUAR

KDNK Malaysia 2021 dijangka tumbuh 4 peratus

AHLI ekonomi mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk berkembang kira-kira empat peratus pada 2021 berikut Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan pada Selasa.

Pakar ekonomi kanan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOB Malaysia) Julia Goh dan ahli ekonomi Loke Siew Ting berkata tempoh anggaran bagi fasa yang dirancang itu adalah seiring dengan jangkaan bank berkenaan apabila ia menyemak turun unjuran KDNK tahun penuh kepada empat peratus untuk 2021 dari pada lima peratus sebelum ini.

"Kami mengekalkan pandangan berhati-hati kerana risiko berkaitan pandemik akan terus meningkat ketika pelaksanaan vaksin adalah tertakluk kepada ketibaan bekalan vaksin yang tepat pada masanya," kata mereka menerusi nota ulasan ekonomi mengenai pelan pemulihan itu hari ini.

Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam adalah strategi peralihan keluar daripada pandemik COVID-19 merangkumi empat fasa yang

bertujuan memberi panduan kepada rakyat dan perniagaan untuk beberapa bulan akan datang berikut pelaksanaan sekatan pergerakan di seluruh negara bermula 1 Jun lepas dan dilanjutkan sehingga 28 Jun.

Pelan pemulihan ini turut menggariskan tiga indikator ambang utama iaitu bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi dan tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peratusan yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin.

Berkongsi pandangan yang sama, ahli ekonomi OCBC Bank Wellian Wiranto berkata, setakat ini, kerajaan tidak menyatakan sebarang semakan semula ke atas unjuran awal KDNK pada enam



hingga 7.5 peratus.

"Bagaimanapun, berdasarkan anggaran capaian hariannya dan andaian bahawa fasa pertama sekatan pergerakan ini tidak akan dilanjutkan, ia akan mencatatkan kira-kira dua mata peratusan, menjadikan bahagian terendah jumlah ramalan mereka adalah seiring dengan ramalan empat peratus kami," katanya. - BERNAMA

Akui boling padang menguji tahap konsentrasi

Haziq bersaing di peringkat nasional

AINI MAWAWI

NAMPAK mudah namun permainan boling padang sebenarnya amat menguji tahap konsentrasi seseorang pemain. Itu yang dikongsi oleh atlet boling padang Wilayah Persekutuan, **Haziq Jamri**, 19.

Katanya sukan yang mirip permainan petanque ini memerlukan fokus yang tinggi agar bola asimetri yang dilerek berhenti hampir dengan bola yang digelar 'jack' bagi mendapatkan mata.

"Ia sebenarnya adalah sukan yang menguji mental. Jika ingin melibatkan diri dalam permainan ini, pemain perlulah mempunyai persediaan mental yang tinggi atau dalam erti kata lain perlu mempelajari kemahiran penyediaan mental," ujar atlet ini.

Katanya lagi, tanpa kekuatan mental, seseorang itu tidak mampu menjadi pemain yang terbaik.

"Jika pemain mula memahami rentak dan gaya permainan boling padang maka percayalah ke-



seronokan itu akan timbul dengan sendirinya," ujar atlet Labuan ini yang mula mengenali sukan boling padang sejak usia sembilan tahun lagi.

Atlet yang pernah mendapat tempat pertama (campuran) dalam Kejohanan SUKMA 2018 lalu berkata, banyak pengajaran yang diperolehi sepanjang terlibat dalam sukan tersebut.

"Selain daripada merancang strategi permainan, sukan ini mengajar kita cara menenangkan minida. Selalunya pemain cepat gelabah jika bola tidak menghampiri sasaran yang dituju. Seharusnya kita perlu tenang untuk memastikan percubaan seterusnya berjaya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Pelajar jurusan Sijil Teknologi Minyak & Gas (Lukisan Perpaipan), Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan ini turut menyimpan hasrat untuk tersenarai sebagai salah seorang pemain dalam skuad elit kebangsaan.

"Itu merupakan cita-cita saya selama ini. Biarpun banyak persaingan ke arah itu namun tidak salah ber-



HAZIQ (tengah) bersama rakan-rakan ketika Kejohanan Tiger Bowls di Hong Kong.

saing secara sihat dan menjadikan ia sebagai salah satu kayu pengukur kejayaan diri sendiri.

"Sebagai atlet boling padang, saya bangga dengan pencapaian sukan ini di negara kita yang mana pencapaian terbaik Malaysia adalah juara keseluruhan acara itu

di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dengan meraih tujuh pingat emas dan satu perak.

"Jadi, saya rasa tidak mustahil untuk Malaysia muncul antara yang terbaik di peringkat dunia pada suatu hari nanti. Besar harapan saya untuk menjadi salah seorang

Kejayaan Haziq Jamri

2019 - Tiger Bowls (World Invitation), Hong Kong - Tempat Kedua (kategori terbuka)

2018 - SUKMA 2018 - Tempat Pertama (Campuran)

2014 - Acara perseorangan lelaki - Tempat pertama (bawah 12 tahun)

Instagram : @h.ziqjmri_

pemain yang mengharumkan nama Malaysia di persada dunia," ujarnya.

Pun begitu, untuk sampai ke tahap tersebut, dia percaya latihan yang konsisten perlu bagi memperbaiki mutu dan tahap permainan.

"Memandangkan negara sedang dilanda wabak COVID-19 dan tida sebarang kejohanan dalam dan luar negara yang dianjurkan, namun saya tetap menjalani latihan bagi memperbaiki mutu persembahan. **WK**

Nazrin hasrat perbaharui rekod, tempah slot ke Sukan SEA

ATLET kanu muda negara **Mohamad Nazrin Najib** menyaskan untuk melakukan catatan masa 4 minit sekali gus memperbaiki rekod terbaiknya dalam acara pecut K1 1000 meter lelaki bagi menceraikan peluang beraksi pada Sukan SEA di Hanoi, Vietnam, akhir tahun ini.

Beliau yang mempunyai catatan terbaik 4 minit 16 saat dalam acara itu, berhasrat memperbaharui rekod tersebut pada kejohanan

pemilihan ke Sukan SEA tersebut.

Mohamad Nazrin berkata meskipun tarikh penganjuran kejohanan pemilihan masih belum ditentukan susulan situasi tidak menentu akibat COVID-19, beliau telah mula membuat persiapan awal sebagai usaha untuk tampil lebih bersedia menjelang kejohanan tersebut.

"Catatan masa 4 minit itu sukar tetapi tidak mustahil jika saya berusaha bersungguh-sungguh. Berdasarkan latihan sekarang, ter-

dapat beberapa kekangan sebab kelengkapan latihan tidak cukup, peralatan tidak cukup malah tasik untuk venue latihan juga tidak dapat digunakan pada masa ini.

"Bila berlatih di air, baru kita dapat buat seperti dalam pertandingan sementara latihan di darat lebih kepada kemahiran teknik," katanya kepada Bernama.

Atlet berusia 20 tahun itu mengakui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi cabaran besar dalam kariernya sekaligus terpaksa menjalani latihan secara dalam talian di bawah pemantauan jurulatih Saufee Miftah.

"Jadi, sesi latihan dalam talian kami buat latihan tambahan bagi mengekalkan kecerasan dan membuat kayuhan di darat saja untuk fokus kepada teknik," katanya.

Sementara itu, Nazrin yang merupakan penuntut jurusan pengajian sukan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam turut berhasrat menguji prestasinya dalam acara berbeza di tiga kejohanan dunia yang akan berlangsung di Eropah, pada September depan.

Kejohanan itu ialah Piala Dunia Ketiga Kanu Slalom International Canoe Federation (ICF) 2021 di La Seu, Sepanyol (3-5 Sept); Piala Dunia Akhir Kanu Slalom ICF 2021 di Pau, Perancis (10-12 Sept); dan Kejohanan Dunia Kanu Slalom & Kanu Arus Deras ICF 2021 di Bratislava, Slovakia (21-26 September).



Nazrin sebelum ini meraih tempat kedua pada kejohanan Piala Asia Kanu Polo 2017 di Batu Pahat, Johor. - **BERNAMA**



NOTIS MAKLUMAN

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan akan melaksanakan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya sepanjang tempoh "Total Lockdown" yang dilanjutkan selama 14 hari berkuatkuasa mulai 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021

BAHAGIAN	NO. TELEFON EMEL
Pejabat Timbalan Pengarah	03-8892 6601 mazhan@wipers.gov.my
Bahagian Sukan Prestasi Tinggi	03-8892 6618 fadzlan@wipers.gov.my
Bahagian Bakat Sukan Wilayah Persekutuan	03-8892 6623 m.azriheikal@wipers.gov.my
Bahagian Pengurusan Sukan dan Acara	03-8892 6677 harlina@wipers.gov.my
Bahagian Fasiliti dan Sains Sukan	03-8892 6789 hazriq@wipers.gov.my
Bahagian Korporat dan Sistem Maklumat	03-8892 6600 jumiati@wipers.gov.my
Majlis Sukan Labuan	087-408 740 zulhelmi@wipers.gov.my

www.wipers.gov.my [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [GMSWP WIPERS](#)

● BIL 120 ● 18 - 24 JUN 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

SEBARAN UMUM



252 gelandangan terima vaksin COVID-19

DIANA AMIR

SERAMAI 252 gelandangan telah menerima suntikan vaksin COVID-19 melalui Program Vaksin Bergerak yang diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, Program Vaksinasi melalui pelaksanaan Fasa 2 Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah diteruskan dengan melibatkan kumpulan gelandangan memandangkan mereka sering terdedah kepada jangkitan wabak COVID-19.

"Seramai 133 gelandangan telah selesai menjalani Ujian Saringan COVID-19 dan dijadualkan menerima suntikan vaksin COVID-19 dos pertama pada 22 Jun tahun ini di

Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur.

"Kumpulan gelandangan diberikan vaksinasi COVID-19 awal, memandangkan mereka sering terdedah kepada jangkitan COVID-19. Jika dibiarkan berkeliaran tanpa perlindungan, risiko penyebaran wabak adalah tinggi," katanya menerusi satu kenyataan media.

Jelasnya lagi dalam usaha memastikan setiap gelandangan di ibu kota menerima vaksin serta mengekang penularan wabak COVID-19 secara keseluruhan, dos kedua turut diberikan kepada 119 orang gelandangan di Anjung Kelana, Kuala Lumpur yang telah menerima dos pertama vaksin pada 27 Mei lalu.

Ujarnya program yang dijalankan adalah dengan kerjasama Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta dikawal selia oleh PDRM, APM, anggota penguasa DBKL dan RELA bagi memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Annur turut berkata bahawa kementerian akan memperluaskan penggunaan trak vaksin bergerak ke tempat-tempat yang sukar diakses agar imuniti kelompok boleh dicapai menjelang Ogos ini.

"Kementerian turut memperluaskan penggunaan Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah ke tempat yang sukar diakses sekitar Wilayah Kuala Lumpur bagi memudahkan lokaliti tersebut menerima vaksin.

"Adalah menjadi matlamat utama



TAN Sri TPr Annuar Musa bertanya khabar penghuni rumah Anjung Kelana yang menempatkan gelandangan yang diselamatkan oleh DBKL dan diberikan vaksin baru-baru ini.

kerajaan untuk mencapai sasaran 80 peratus populasi warga Wilayah Persekutuan divaksin menjelang

Ogos 2021 agar imuniti kelompok boleh dicapai," ujarnya. WK

734,707 peminjam dan penyewa PKS dapat manfaat

MEDAC tawar moratorium, bantuan

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan agensinya menawarkan moratorium dan bantuan bersasar lain bernilai RM746.79 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi membantu mengurangkan impak sekatan pergerakan penuh yang dilaksanakan di seluruh negara.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar**, berkata bantuan yang ditawarkan kementerian dan agensinya di harap

dapat memberi manfaat kepada sejumlah 734,707 peminjam dan penyewa yang merangkumi perusahaan mikro dan perniagaan tidak formal termasuk dalam kategori B40.

"PKS terutamanya perniagaan mikro dan tidak rasmi adalah kumpulan yang terjejas teruk disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) di seluruh negara dan memerlukan semua bantuan untuk kekal bertahan," katanya dalam satu kenyataan media pada Khamis.

Agensi MEDAC yang menawarkan mor-

atorium dan bantuan bersasar adalah Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional, SME Corporation Malaysia (SME Corp), Perbadanan Nasional Bhd (PNS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan UDA Holdings Bhd.

Wan Junaidi berkata, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh MEDAC untuk mengukur kesan PKP 2.0 terhadap sektor PKS Februari lalu, lebih daripada separuh responden mengatakan bahawa mereka tidak pasti akan masa

depan dan hanya mampu bertahan selama tiga hingga enam bulan sekiranya PKP terus berlanjut.

"Sebahagian besar perniagaan kecil ini tidak mempunyai banyak simpanan untuk digunakan dan oleh yang demikian mereka memerlukan semua bantuan untuk bertahan."

"Kami berharap moratorium dan bantuan bersasar yang ditawarkan agensi di bawah MEDAC dapat membantu mereka dalam tempoh mencabar ini," katanya. WK

Penggiat seni, bekerja sendiri harus carum PERKESO - Shiha Zikir

DEEL ANJER

PENULARAN pandemik COVID-19 menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan tetap.

Dalam situasi mencabar ini, kebanyakan yang terkesan mengambil keputusan untuk bekerja sendiri seperti bermula kecil-kecilan atau apa sahaja demi kelangsungan hidup.

Apa yang membimbangkan, mereka mungkin terdedah kepada bahaya apabila bekerja sendiri tanpa ada skim perlindungan diri seperti disediakan Persatuan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut pengacara rancangan Luar Biasa, **Shiha Zikir**, 33, masih ramai individu yang tidak membuat perlindungan diri setelah kehilangan pekerjaan.

Dalam masa sama, pelantun lagu AEWO ini berharap para penggiat seni juga mengambil tahu kepentingan caruman PERKESO.

"Apabila jadi hos Luar Biasa tajaan PERKESO ini, barulah saya tahu rupa-rupanya artis atau penggiat seni boleh mencarum walaupun tiada majikan. Ruginya selama ini tidak mencarum.

"Selepas itu, saya terus mencarum dan inilah

peluang untuk saya memberitahu kepada rakan-rakan artis tentang kepentingannya.

"Bukan sahaja artis, mereka yang telah kehilangan pekerjaan dan mula bekerja sendiri juga perlu mencarum. Jika sebelum ini mereka hanya menyerahkan hal tersebut kepada majikan, tetapi sekarang kenalah ada inisiatif sendiri," katanya kepada Wilayahku.

Turut menimba pelbagai pengalaman sempena mengacara rancangan Luar Biasa bersama pelakon Norman Hakim, luah Shiha, caruman tersebut bukan untuk orang lain tetapi demi kebaikan pencarum sendiri kerana dikhawatir berlaku perkara tidak diingini pada masa hadapan.

Jelasnya, apa yang menarik, caruman yang disediakan adalah rendah dan mampu dilakukan oleh semua pihak.

Program realiti berkoncep sesi bual bicara santai dengan unsur sketsa selama 13 episod ini mengetengahkan beberapa topik diskusi yang menarik bersama barisan tetamu jemputan antaranya pakar, selebriti dan juga penguruskan kanan PERKESO.

Menurut Shiha, setiap episod yang berlangsung pastinya menyentuh hati sesiapa sahaja

yang menonton.

"Bila saya jumpa mereka yang kehilangan pekerjaan dan duduk di kerusi roda akibat kehilangan, Allah sahaja yang tahu perasaan saya ketika itu. Sebaknya melihat kekuatan mereka berhadapan dengan dugaan hidup."

"Kita selalu merasakan dugaan yang kita lalui amatlah sukar. Dalam program ini, kita dapat selami hati insan-insan yang melalui dugaan yang tidak dapat kita bayangkan."

"Saya harap masyarakat boleh menonton rancangan ini. Apabila dapat info bagus dalam program ini, sebar-sebarkan kepada yang lain."

"Mungkin ramai tidak tahu, caruman PERKESO ini bukan sahaja untuk mereka yang ada majikan, tetapi juga bekerja sendiri," ujarnya lagi.

Luar Biasa disiarkan setiap Jumaat, jam 9.00 malam di saluran Astro Prima (SD) dan Astro Prima HD. Bagi yang terlepas untuk menonton program ini di televisyen, ia juga boleh ditonton di saluran YouTube rasmi PERKESO.

WK



SHIHA ZIKIR